

**KEPENTINGAN BETING BERAS BASAH DALAM INSTITUSI
KESULTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
KEPADA MASYARAKAT**

MOHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD PAUZI

C18A0119

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2022

KELANTAN



**KEPENTINGAN BETING BERAS BASAH DALAM INSTITUSI
KESULTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
KEPADA MASYARAKAT**

MOHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD PAUZI

C18A0119

**Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



Tandatangan Penyelia



MOHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD PAUZI PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh: 15/02/2022

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kepentingan Beting Beras Basah Terhadap Institusi Kesultanan Negeri Perak Darul Ridzuan” telah disediakan oleh (**MOHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD PAUZI**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keahlian (**Konservasi Warisan**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat juga saya menyempurnakan projek penyelidikan ini pada waktu yang telah diperuntukkan meskipun terdapat beberapa kekangan yang ditempuhi dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, bantuan serta sokongan sepanjang menjalankan kajian ini. Saya sangat berterima kasih kepada beliau kerana selalu mengambil berat, memberikan pandangan dan buah fikiran berhubung tugas para pelajar di bawah penyeliaannya agar sentiasa ditambah baik.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal serta memberikan dorongan semangat agar saya tidak berputus asa untuk menyelesaikan kajian penyelidikan ini. Terima kasih sekali lagi kepada ibu bapa saya yang telah menyediakan segala keperluan dan memberi bantuan agar kajian ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Akhir kata, saya juga ini mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesulitan dalam menjalankan proses kajian penyelidikan ini. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya mengucapkan kata terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga setiap bantuan dan kerjasama yang diberikan ini mampu membuka lembaran baru dan menyumbang ilmu pengetahuan terhadap dunia sejarah dan warisan kepada negara Malaysia ini.

Kepentingan Beting Beras Basah Dalam Institusi Kesultanan Negeri Perak Darul Ridzuan Kepada Masyarakat

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Kepentingan Beting Beras Basah Terhadap Institusi Kesultanan Negeri Perak Darul Ridzuan”. Beting Beras Basah terletak di Kuala Sungai Perak, Daerah Bagan Datuk. Mengikut sejarah, di sinilah bermulanya Sultan Perak yang pertama berangkat masuk ke Negeri Perak. Pengkaji menyasarkan kajian berkenaan Beting Beras Basah ini kerana ia merupakan antara lokasi wajib dalam Istiadat Pertabalan Sultan Perak yang baharu. Cerita hanya dipercayai benar-benar berlaku suatu masa dahulu dan diwarisi secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Salah satu kepentingan sumber tradisi Melayu dikesani wujud dalam konteks asal-usul raja, negeri dan adat istiadat kesultanan Perak yang memperlihatkan beberapa variasi dalam pengejalan dan penyimpangannya. Objektif kajian ini adalah Mengetahui keistimewaan muara Beting Beras Basah sebagai lokasi upacara pertabalan Sultan Perak yang perlu dipelihara. Seterusnya adalah Mengetahui pandangan masyarakat mengenai keistimewaan Beting Beras Basah. Dan akhir sekali adalah untuk Mencadangkan kaedah promosi yang boleh dilakukan bagi memperkenalkan Beting Beras Basah kepada masyarakat dalam dan luar negara. Kaedah pemerhatian, temu ramah dan analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan data sekaligus menyempurnakan proses penyelidikan ini dari fasa awal hingga akhir. Kajian ini akan menimbulkan isu kepentingan nilai warisan kepada Beting Beras Basah kepada pelbagai pihak sekiranya langkah pemuliharaan dan pemeliharaan dibuat. Hal ini seterusnya dapat menghargai nilai warisan ketara yang berharga ini khususnya untuk generasi yang akan datang.

Kata Kunci: Beting Beras Basah, Kesultanan Perak, pertabalan, sejarah, keistimewaan, pantang-larang

The Importance of Beting Beras Basah in the Institution of the Sultanate of Perak Darul Ridzuan to the Community

ABSTRACT

This research project is a study on "The Importance of Beting Beras Basah in the Institution of the Sultanate of Perak Darul Ridzuan to the Community". Beting Beras Basah is located in estuary of the Perak River, Bagan Datuk District. According to history, this is where the first Sultan of Perak began to enter the State of Perak. The researcher is targeting this study on Beting Beras Basah because it is one of the mandatory locations in the new Sultan of Perak's Coronation Ceremony. The story is only believed to have really happened a long time ago and is passed down orally from one generation to another. One of the importance of the source of Malay tradition is traced to exist in the context of the origins of the king, state and customs of the Perak sultanate which shows some variations in its retention and deviation. The objective of this study is to know the special features of the Beting Beras Basah estuary as the location of the coronation ceremony of the Sultan of Perak that needs to be preserved. Next is knowing the community's views on the benefits of the Beting Beras Basah. And finally, is to suggest promotional methods that can be done to introduce the Beting Beras Basah to the local and foreign communities. Methods of observation, interviews and document analysis are used to obtain data and complete the research process from the beginning to the end. This study will raise the issue of the importance of heritage value to the Beting Beras Basah to various parties if conservation and preservation measures are taken. This in turn can appreciate the value of this valuable tangible heritage especially for future generations.

Keywords: *Beting Beras Basah, Sultanate of Perak, coronation, history, privilege, taboo*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	7
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Definisi Terminologi	13
1.10 Penutup	16
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	17
1.11 Pengenalan	17

1.12	Sejarah Awal Kesultanan Negeri Perak	18
1.13	Istiadat Pertabalan Sultan Perak	20
1.14	Istiadat Tabal Adat	23
1.15	Istiadat Tabal Pusaka	25
1.16	Ikon Sejarah, Warisan dan Pelancongan Daerah Bagan Datuk	27
1.17	Dasar dan Strategi Kerajaan Berkaitan Pelancongan	27
1.18	Beting Beras Basah Sebagai Kawasan Mistik	31
BAB 3 METODOLOGI		34
1.19	Pengenalan	34
1.20	Rekabentuk Kajian	35
1.21	Instrumen Kajian	40
1.22	Teknik Pengumpulan Data	41
1.23	Kaedah Analisis Data	41
1.24	Jangkaan Dapatan Kajian	42
1.25	Penutup	43
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		44
1.26	Pengenalan	44
1.27	Analisis Demografi Responden	46
1.28	'Beting Beras Basah' Antara Sejarah dan Mitos	46
1.29	Pandangan dan Kepercayaan Masyarakat	54
1.30	Kaedah Promosi yang Boleh dilakukan Bagi Memperkenalkan Beting Beras Basah	61

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN	67
1.31 Pengenalan	67
1.32 Perbincangan Dapatan Kajian	68
1.33 Rumusan	70
1.34 Cadangan	71
1.35 Penutup	73
RUJUKAN	74
LAMPIRAN	77

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	42
4.1	Analisis Demografi Responden	46

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Pengenalan	1
1.1	Pengenalan	2
1.7	Skop Kajian	11
2.3	Istiadat Pertabalan Sultan Perak	20
2.3	Istiadat Pertabalan Sultan Perak	21
2.4	Istiadat Tabal Adat	23
2.5	Istiadat Tabal Pusaka	26
2.7	Dasar dan Strategi Berkaitan Pelancongan	28
2.7	Dasar dan Strategi Berkaitan Pelancongan	29
2.7	Dasar dan Strategi Berkaitan Pelancongan	30
2.7	Dasar dan Strategi Berkaitan Pelancongan	30
2.8	Beting Beras Basah Sebagai Kawasan Mistik	31
2.8	Beting Beras Basah Sebagai Kawasan Mistik	32
3.2	Rekabentuk Kajian	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
4.3	Beting Beras Basah Antara Sejarah dan Mitos	48
4.3	Beting Beras Basah Antara Sejarah dan Mitos	49
4.3	Beting Beras Basah Antara Sejarah dan Mitos	51
4.4	Pandangan dan Kepercayaan Masyarakat	56
4.5	Kaedah Promosi yang Boleh Dilakukan Bagi Memperkenalkan Beting Beras Basah	62

4.5	Kaedah Promosi yang Boleh Dilakukan Bagi Memperkenalkan Beting Beras Basah	63
4.5	Kaedah Promosi yang Boleh Dilakukan Bagi Memperkenalkan Beting Beras Basah	64



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Secara rasminya, kesultanan Perak yang masih bertakhta di Negeri Perak Darul Ridzuan sekarang menyatakan asal-usulnya daripada Sultan Muzaffar Shah putera kepada Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka yang mangkat di Kampar, Sumatera pada tahun 1530. Negeri Perak telah diasaskan oleh Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1528 di sebuah tempat bernama Tanah Abang (sekarang Teluk Bakong). Walaupun jauh sebelum itu telah wujud kerajaan Gangga Nagara di Beruas, tetapi kerajaan Hindu tersebut tiada kaitan dengan asal-usul kesultanan Perak yang ditubuhkan pada tahun 1528 itu (Zurina Ismail, 1987). Dengan kata lain, kesultanan Perak adalah warisan langsung daripada kesultanan raja-raja yang pernah memerintah negeri Melaka. Akan tetapi kerajaan Hindu tersebut tiada kaitan dengan asal-usul kesultanan Perak yang ditubuhkan pada tahun 1528 itu (Winstedt & Wilkinson 1934; Andaya 1979; Fawzi Basri 1986).

Sejarah kedatangan Sultan Muzaffar ke negeri Perak pada tahun 1528 bermula di Beting Beras Basah yang terletak di muara Sungai Perak di Bagan Datuk. Menurut cerita lisan Beting Beras Basah merupakan tempat dimana menjadi saksi bahtera yang dinaiki oleh Sultan Perak yang pertama berserta rombongannya telah tersangkut di beting pasir di Beting Beras Basah ini. Ada juga kisah lagenda menceritakan tentang Semang Putih

yang dikaitkan dengan asal usul Kesultanan Melayu Perak. Namun demikian, fakta sejarah sepakat menyatakan bahawa Sultan Mudzaffar Shah adalah Sultan Perak yang pertama. Walau bagaimanapun terdapat percanggahan tentang cara baginda sampai ke Perak. Dinyatakan bahawa, Raja Mudzaffar bersama isterinya Tun Terang bersama dengan rombongannya yang terdiri daripada Tun Saban serta rombongan ahli keluarganya iaitu puteranya Raja Mansor berangkat meninggalkan Kampar selepas tahun 1528, apabila adinda tirinya, Raja Ali dilantik menggantikan Sultan Mahmud Shah (ayahanda Sultan Mudzaffar Shah yang berkerajaan di Melaka) selepas kemangkatan baginda. Rombongan diraja ini berserta anggota istana yang dipilih berangkat menuju ke negeri Perak dari Kampar yang terletak di Kepulauan Sumatera, Indonesia. (Firdaus al-Siddiq bin Fadzil, 2010)



Rajah 1.1: Pintu Gerbang masuk ke kawasan Beting Beras Basah.

(Sumber: Rakaman foto kajian lapangan, 6 Jun 2021)

Beting Beras Basah amat sinonim dengan kesultanan negeri Perak kerana menjadi sebuah tempat yang wajib diziarahi oleh mana-mana sultan yang bakal menaiki takhta semasa Istiadat Pertabalan dilakukan. Sultan yang ditabal akan menziarahi kawasan beting ini dan akan mencecahkan kakinya ke atas beting tersebut simbolik sebagaimana yang dilakukan oleh para sultan terdahulu bermula dengan Sultan Perak yang pertama

Sultan Muzaffar Shah (Jelani Harun,2011). Kawasan ini juga amat rapat dengan rakyat negeri Perak, namun lebih rapat dengan penduduk setempat kawasan ini. Kawasan beting ini amat sinonim dalam hal mistik berbanding kepentingan sejarahnya kepada masyarakat. Ramai yang menganggap kawasan ini hanyalah sebuah kawasan yang tidak penting bagi mereka. Untuk makluman kawasan ini terletak di sebuah kawasan yang jauh daripada kawasan petempatan penduduk. Kawasan beting ini yang dianggap 'keras' oleh penduduk setempat menyebabkan tiada pihak yang ingin menjadikan kawasan ini sebuah kawasan eko-sejarah.



Rajah 1.2: Kompleks singgahsana untuk DYMM Sultan bersemayam

(Sumber: Rakaman foto kajian lapangan, 6 Jun 2021)

1.2 Latar Belakang Kajian

Beting Beras Basah ini adalah sebuah tempat bersejarah yang kurang diketahui oleh ramai pihak tidak kira dari luar negeri Perak malah ada juga anak jati negeri Perak yang tidak tahu akan kewujudan tapak bersejarah ini. Amatlah menyedihkan bagi negara jika masih ada masyarakat yang masih lagi tidak mengetahui akan kewujudan tapak

bersejarah ini yang menjadi titik mula era kesultanan di Negeri Perak ini. jika kewujudan tapak kawasan ini masih lagi kurang diketahui umum sudah semestinya kepentingan dan sumbangan kawasan ini tidak diketahui.

Tapak bersejarah Beting Beras Basah ini lazimnya diketahui oleh para pengamal perubatan mistik. Hal ini kerana kawasan yang ini digelar kawasan berdaulat yang menjadi tempat perkumpulan para makhluk ghaib. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kepercayaan sesetengah masyarakat akan kewujudan Tasik Pauh Janggi. Pauh janggi adalah nama lain bagi buah kelapa laut. Tasik Pauh Janggi adalah gelaran bagi sebuah lubang pusaran air yang terdapat di beting pasir. Tasik Pauh Janggi amat sinonim dengan masyarakat tempatan sebagai kawasan tempat tinggal para jin dan makhluk halus. Kisah mistik ini yang menjadi sebahagian daripada cerita rakyat akan bagaimana kedatangan sultan Perak yang pertama. Dalam kisah ini menceritakan akan Sultan Muzaffar yang terpaksa menyelam selama 7 hari 7 malam untuk mencari semula mahkota yang telah dicampak ke beting pasir tersebut. (Misa Melayu, Buyung Adil, 1981)

Selain itu, kawasan ini juga sering dijadikan tempat untuk membuang makhluk halus dan juga untuk upacara khurafat seperti pemujaan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, maka tidak hairanlah masyarakat tidak akan mengambil berat akan kepentingan tapak bersejarah ini kerana beranggapan tapak ini sebuah kawasan yang berhantu dan tiada kepentingan untuk mengetahui melainkan mereka itu adalah para pengamal amalan mistik. Budaya yang sebegini akan menjadikan nilai dan taraf kemuliaan tapak bersejarah ini akan tercemar dan menyebabkan masyarakat akan menjadi kurang berminat untuk mengambil tahu akan tapak ini. (Mariana Mohamed Osman, Seminar Institut Darul Ridzuan, 2014)

Selain itu perkara yang menjadi masalah akan tapak bersejarah ini adalah di mana kurangnya campur tangan pihak-pihak berwajib khususnya kerajaan tempatan dan juga persekutuan. Sampai masa kini tapak ini masih tidak diketahui umum kerana tarafnya masih lagi tidak diiktiraf oleh mana-mana pihak seperti Jabatan Warisan Negara dan juga lain-lain. Akan tetapi usaha yang akan dilakukan adalah dengan cadangan membina sebuah taman bandaran di kawasan ini. (Jilid:1 Strategi Pembangunan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035, 2020)

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah ialah bahagian yang akan menerangkan mengenai isu dan masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Bahagian ini amat penting dalam penyelidikan yang dijalankan. Di dalam bahagian ini menjadi kesediaan penyelidik untuk mempertahankan isu atau masalah yang ingin dikaji. Justeru itu, segala masalah yang telah dianalisis dan diselidiki oleh penyelidik dapat diterangkan secara mendalam mengapa kajian berkenaan perlu dijalankan. Pernyataan masalah ini telah diperoleh melalui pembacaan, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Selain itu, bahagian ini juga diperoleh melalui penelitian dokumen dan kajian lain berkaitan setiap objektif yang akan dicapai berserta dengan rujukan. Menurut Mohamad Najib pada 2010, menyatakan pernyataan masalah ditentukan dengan menentukan seberapa banyak pemboleh ubah yang dikaji yang akan menentukan nilai pada kajian tersebut.

Masalah pertama adalah ramai yang kurang tahu akan tapak bersejarah kesultanan negeri Perak ini. Golongan muda terutamanya menjadi salah satu yang kurang malah ada yang langsung tidak mengetahui akan kewujudan tapak bersejarah ini. Selain itu, golongan yang tinggal di dalam negeri Perak namun duduk jauh dari tapak bersejarah ini juga antara golongan yang tidak mengetahui akan kepentingan tapak bersejarah ini.

Menurut Rupawan Ahmad 1990, setiap zaman dari tahun ketahun mendapati budaya tidak mengambil berat akan sejarah masa lampau merupakan masalah yang tidak dapat dielakkan terutama dalam bidang pendidikan yang semakin lama semakin moden.

Budaya tidak mengambil berat dan sambal lewa akan kepentingan tapak bersejarah ini terhadap nilai sejarah merupakan masalah. Persepsi masyarakat yang lebih menganggap tapak bersejarah ini terhad kepada perkara-perkara mistis. Persepsi sedemikian inilah yang akan membuatkan masyarakat akan lebih cenderung untuk tidak mengambil keberadaan dan kepentingan tapak bersejarah ini. Hal ini sekaligus akan menyebabkan budaya tidak mengambil berat akan kepentingan tapak bersejarah ini terhadap institusi kesultanan negeri Perak. Kurangnya perpaduan oleh sebahagian kelompok sesebuah masyarakat itu menyebabkan hilangnya rasa kasih sayang yang menjadi identity kepada kewujudan sesuatu sejarah bangsa itu sendiri (Shamsul Amri 2007).

Akhir sekali, kurangnya campur tangan oleh badan-badan yang berwajib seperti kerajaan negeri, Jabatan Warisan Negara dan sebagainya merupakan salah satu masalah terhadap kewujudan tapak bersejarah ini. Menurut penulisan oleh Muhammad Rizal Razzman melalui buku Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia dan Indonesia Pendekatan Pengurusan dan Undang-undang menyatakan kawasan Beting Beras Basah masih lagi disenaraikan sebuah tapak warisan walaupun tapak ini memainkan peranan penting terhadap sejarah Kesultanan Negeri Perak.

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya kajian ini adalah untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada seluruh masyarakat Malaysia amnya dan khusus kepada anak jati negeri Perak.

Namun demikian terdapat juga objektif lain bagi kajian ini:

- i. Mengetahui keistimewaan muara Beting Beras Basah sebagai lokasi upacara pertabalan Sultan Perak yang perlu dipelihara.
- ii. Mengetahui pandangan masyarakat mengenai keistimewaan Beting Beras Basah.
- iii. Mencadangkan kaedah promosi yang boleh dilakukan bagi memperkenalkan Beting Beras Basah kepada masyarakat dalam dan luar negara.

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang merujuk kepada objektif kajian yang dikemukakan adalah:

- i. Apakah keistimewaan muara Beting Beras Basah sebagai lokasi pertabalan Sultan Perak yang perlu dipelihara?
- ii. Adakah pandangan masyarakat mengenai keistimewaan Beting Beras Basah?
- iii. Apakah kaedah promosi yang boleh dilakukan bagi memperkenalkan Beting Beras Basah kepada masyarakat dalam dan luar negara?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini penting dalam usaha untuk menaikkan nama serta kepentingan tapak ini dari segi sejarah, sosial dan eko-budaya masyarakat setempat dan lebih luas lagi kepada negeri Perak darul Ridzuan. Pengkaji yang membuat kajian ini seharusnya, membuat dan menjadikan penulisan kajian ini bermanfaat untuk dijadikan rujukan kepadanya sendiri dan juga kepada pembaca terutamanya tidak kira individu perseorangan, masyarakat, institusi yang berkaitan malah kepada negara secara keseluruhannya. Antara kepentingan yang menjadi tumpuan utama pengkaji adalah:

1.6.1 Individu

Kepentingan kajian terhadap individu adalah melalui pembacaan mereka terhadap kajian ini akan memberikan pengetahuan kepada mereka akan kewujudan dan kepentingan tapak ini kepada institusi kesultanan negeri Perak. Bagi individu yang tidak mengetahui kewujudan tapak ini akan menyebabkan mereka sedar dan sekaligus menambahkan pengetahuan baharu kepada mereka. Individu terutamanya golongan muda seharusnya diberikan pengetahuan seawal yang mungkin agar mereka dapat mengetahui akan tapak bersejarah ini. Hal ini sekaligus akan dapat mengatasi masalah kurangnya pengetahuan individu pada peringkat muda mereka. Sejarah merupakan sebuah pedoman hidup yang amat penting untuk seseorang mengetahui akan asal usul sesuatu perkara (Mazlina Harun, 2001)

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini terhadap masyarakat adalah membetulkan Kembali persepsi mereka kepada yang lebih bermanfaat. Sebelum kajian ini ditulis tapak bersejarah ini diketahui oleh masyarakat setempat khususnya sebagai sebuah tempat yang keras dan terhad kepada istiadat-istiadat yang melibatkan istana.

Masyarakat seharusnya dapat mengubah persepsi mereka agar usaha-usaha dalam memulihara dan memulihara tapak ini dapat dilaksanakan. Persepsi masyarakat amat penting dalam menjadikan tapak ini lebih dikenali sebagai sebuah tapak penuh dengan nilai sejarah budaya peradaban. Menurut R. Ahmad, 1990, masyarakat merupakan tonggak kepada pelestarian dan kesinambungan sesebuah sejarah akan sesuatu sejarah berlaku terhadap komuniti tersebut.

1.6.3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pihak berkuasa tempatan melalui Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk serta Majlis Perbandaran Teluk Intan berupaya untuk dipengaruhi melalui penyelidikan dan penulisan kajian ini. Tapak bersejarah Beting Beras Basah ini memiliki nilai sejarah yang tinggi dalam sejarah dan asal usul kewujudan institusi beraja di negeri Perak Darul Ridzuan. Keadaan tapak ini yang kurang diberikan perhatian oleh dua badan berkuasa ini menyebabkan kurangnya usaha dalam memulihara dan memeliharanya. Kekurangan usaha dalam penyediaan infrastruktur-infrastruktur utama pada tapak ini menyebabkan kurangnya minat pengunjung yang datang untuk melawat. Sesebuah institusi yang mempunyai kuasa dan autoriti dalam memulihara dan memelihara sesebuah kawasan itu memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan kepentingan warisan bersejarah yang ada pada kawasan jagaan mereka (Yazid Salleh, UPSI, 2011).

1.6.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)

Penulisan kajian projek penyelidikan ini akan menjadi pencetus dan permulaan kepada penyelidik yang lebih tinggi dalam negara. Penulisan ini akan dijadikan titik permulaan dalam usaha menjadikan tapak bersejarah Beting Beras Basah ini sebagai sebuah tapak warisan bertaraf diraja. Menerusi akta dan peruntukan undang-undang yang terdapat pada Akta Warisan Kebangsaan 2005

akan lebih mengukuhkan lagi pengiktirafan yang sewajarnya dilakukan terhadap tapak ini. Selain itu, pihak JWN akan dapat melaksanakan cadangan yang perlu dilakukan hasil daripada hasil penulisan kajian ini. Hasil penulisan projek kajian ini akan merungkai sejarah yang belum diketahui dan tidak diketahui oleh pihak mereka dan mana-mana sahaja. Usaha yang dilakukan JWN kelak dapat menambahkan lagi bilangan tapak-tapak warisan yang ada di dalam negara. Menurut Shamsul Amri, 2010 menegaskan Jabatan Warisan di negara ini sepatutnya untuk lebih peka mendengar cadangan dan keluhan yang telah diutarakan kepada pihak mereka.

1.6.5 Institusi

Hasil penulisan projek penyelidikan ini merupakan Laporan Projek Akhir yang wajib dilaksanakan oleh pengkaji dalam memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Dengan adanya penulisan laporan ini, pelajar mampu mengetahui akan kepentingan dan kewujudan tapak bersejarah Beting Beras Basah ini yang memiliki nilai sejarah serta nilai warisan yang amat tinggi kepada seluruh masyarakat. Perkara ini sememangnya menjadi perkara penting yang perlu diketahui oleh pelajar yang mengambil bidang pengajian warisan. Laporan penulisan projek akhir ini juga boleh dijadikan sumber rujukan kepada pelajar-pelajar akan datang serta mana-mana individu serta pihak-pihak yang ingin membuat rujukan serta menambah ilmu baharu. Laporan penulisan kajian ini amatlah diharapkan dapat membuka mata serta tindakan yang akan dilakukan khususnya oleh Jabatan Warisan Negara kelak. Sekiranya perkara ini berlaku, Universiti Malaysia Kelantan secara tidak langsung dapat menaikkan imej serta keupayaan pada peringkat yang lebih tinggi. Institusi awam merupakan sebuah tempat yang paling sesuai dan strategik dalam mengkaji dan

menyampaikan maklumat akan sesebuah hal mahupun keadaan yang berkaitan dengan sejarah negara bangsa (Norzaini Azman, 2010).

1.6.6 Industri Pelancongan

Seterusnya, dari sudut pelancongan, bangunan dan monumen bersejarah mampu menarik minat pelancong. Sama ada pelancong tempatan mahupun pelancong dari luar negara yang melawat negara ini. Dalam menarik pelancong asing untuk melihat kepelbagaian budaya dan keindahan alam semula jadi di negara ini maka beberapa produk berasaskan warisan yang berpotensi sudah semestinya tapak yang telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia (Zuliskandar Ramli, 2015). Antara tapak tersebut ialah Taman Negara Mulu dan Taman Negara Kinabalu sebagai tapak warisan dunia kategori alam semula jadi, manakala Bandar George Town dan Melaka serta tapak arkeologi Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia kategori budaya. Maka, oleh itu tidak mustahil untuk tapak ini diiktiraf sedemikian rupa mengikut kepentingan yang dimilikinya.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji tertumpu sekitar kepada kawasan Beting Beras Basah. Kawasan ini tiada alamat tepat yang khusus kerana kawasan yang terletak di hujung. Selain itu, kedudukannya yang berada di muara Sungai Perak dan bersebelahan dengan perairan Selat Melaka menjadikan tidak menjadi kawasan penempatan yang sekaligus menyukarkan penyediaan alamatnya. Namun begitu, kawasan Beting Beras Basah ini disahkan oleh penduduk setempat berada dalam kawasan Kampung Sungai Ular, Bagan Datuk.



Gambar 1.1 lokasi Beting Beras Basah

(Sumber: Google, 20 Mac 2021
<https://www.google.com.my/maps/@3.9963341,100.7441276,13.28z>)

1.8 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan ini, pengkaji harus mengakui bukan semua masalah boleh dikaji dan diselesaikan dalam satu kajian ilmiah secara khusus sahaja. Oleh itu, pengkaji perlu menyatakan dan membataskan had kajian ini supaya dapatan kajian dapat memuaskan pembaca. Dalam hal ini, pengkaji meletakkan skop dan ruang yang agak sempit dalam batasan kajian, iaitu Kepentingan Beting Beras Basah Terhadap Institusi Kesultanan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Perkara ini sememangnya mempunyai batasan dalam mendapatkan maklumat-maklumat dalam menyempurnakan objektif kajian.

Dalam batasan kajian penyelidikan ini, pengkaji lebih tertumpu kepada kawasan Beting Beras Basah yang terletak di Kampung Sungai Ular, Bagan Datuk, Perak. Kawasan Beting beras Basah ini yang merupakan sebuah kawasan penting dalam bermula institusi kesultanan yang ada di negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini menerangkan secara terperinci latar belakang dan kepentingan kawasan Beting Beras Basah ini.

Selain itu, batasan kajian dalam penulisan ini juga akan menumpukan kepada usaha dalam menjadikan kawasan ini sebagai sebuah tapak warisan purba yang bertaraf diraja. Hal ini akan lebih membincangkan mengapa tapak ini seharusnya diberikan pengiktirafan yang sedemikian. Seterusnya dalam batasan kajian ini juga pengkaji akan membicarakan apa sahaja dan bagaimana cara yang akan dilakukan dalam menjadikan tapak ini diberikan pengiktirafan oleh organisasi berwajib seperti Jabatan Warisan Negara (JWN).

Batasan kajian yang seterusnya akan membicarakan akan usaha-usaha yang akan dilakukan dalam memberi keyakinan kepada kerajaan untuk lebih mengambil berat dan memberi perhatian yang lebih dalam usaha memulihara dan memelihara tapak ini.

Cadangan ini merupakan kesinambungan terhadap kurangnya campur tangan daripada pihak-pihak berwajib. Cadangan yang akan diutarakan akan menjadi titik permulaan kepada bermulanya tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan tapak bersejarah ini.

Batasan kajian seterusnya berkait dengan usaha menjadikan tapak ini sebagai salah satu sumber pengetahuan dan pendapatan kepada kerajaan negeri dengan terbinanya sebuah galeri sejarah di tapak ini kelak. Cadangan ini adalah rentetan daripada penelitian pengkaji terhadap tapak warisan ini dengan tapak-tapak warisan lain yang terdapat di negara ini. Pengkaji akan mencadangkan pembinaan sebuah galeri ataupun mini muzium yang berpandukan piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Warisan Negara (JWN). Diharapkan ianya akan menjadi titik tolak bermulanya usaha dalam memulihara dan memelihara tapak warisan ini. Perkara ini yang sememangnya boleh mendatangkan pelbagai manfaat kepada individu, penduduk tempatan, negeri mahupun negara.

1.9 Definisi Terminologi

Terminologi secara asasnya berhubung dengan nama dan proses penamaan. Sebarang perbincangan tentang nama dan penamaan tidak dapat tidak akan merangkumi juga perbincangan tentang bahasa dan makna. Pengajian dalam aktiviti ini merangkumi tumpuan kepada kepada pengumpulan, penghuraian, pemprosesan dan penamaan istilah. Istilah ini diterima mulai abad ke-18 dalam tulisan ilmiah seorang profesor dari Universiti Halle dan Jena di Jerman bernama Christian Gottfried Schutz (1747-1832). William Whewell pada 1837 dari England memberikan makna saintifik kepada kata ini walaupun penggunaannya agak terhad dalam bidang sains. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat pula mentafsirkan terminologi sebagai kajian yang dilakukan tentang istilah atau kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang atau ilmu. Pengkaji

telah memfokuskan kajian penyelidikan terhadap Kepentingan Beting Beras Basah Terhadap Institusi Kesultanan di Negeri Perak Darul Ridzuan.

1.9.1 Kepentingan

Kamus Dewan Edisi Ketiga mendefinisikan keistimewaan khas untuk memberi maksud perihal penting yakni sesuatu yang amat perlu dan berharga. Perkataan kepentingan juga merupakan keperluan terhadap sesuatu perkara. Kepentingan dalam konteks penyelidikan ini lebih kepada penumpuan nilai-nilai sejarah yang terdapat pada tapak Beting Beras Basah ini. Nilai sejarah dan estetika yang ada pada tap warisan ini adalah sesuatu yang amat berharga terhadap institusi kesultanan yang ada di Negeri Perak.

1.9.2 Beting

Beting pula menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga pula menyatakan sebuah timbunan pasir yang besar di muara sungai. Keadaan geografi muara Sungai Perak yang mempunyai beting ini menjadi punca peristiwa dimana bahtera yang membawa Sultan Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah tersangkut di beting pasir di Beting Beras Basah. Beras basah pula menurut sumber lisan penduduk tempatan pula adalah dinamai sempena beting pasir yang seakan-akan beras yang basah semasa air surut. Sumber lain pula menyatakan nama Beting Beras Basah pula adalah semasa bahtera yang dinaiki Sultan Muzaffar Bersama rombongannya semasa tersangkut di beting pasir tersebut, Sultan sendiri telah turun dari bahteranya dan berjalan diatas beting tersebut untuk ke daratan. Semasa berjalan ke daratan tersebut, baginda telah memikul seguni beras yang dimana guni beras tersebut bocor dan mengeluarkan beras didalam guni tersebut. Beras yang jatuh semasa dipikul baginda yang jatuh pada beting tersebut telah

menjadikan kawasan beting itu sebagai Beting Beras Basah. Khusaire Talib, Bagan Datoh Seratus Tahun,(1996).

1.9.3 Institusi

Institusi merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan adalah sebuah badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu. Institusi beraja yang ada di negeri Perak Darul Ridzuan tergolong didalam sebuah institusi yang sudah ada dialam Melayu sudah berabad-abad lamanya. Sistem penginstutian yang diamalkan di negeri Perak ini adalah untuk mengukuhkan lagi kedudukan seseorang sultan yang memerintah negeri ini.

1.9.4 Industri pelancongan

Kesultanan yang berasal daripada kata dasar sultan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat adalah sebuah ataupun wilayah yang diperintah oleh sultan, kerajaan dan negeri yang dibawah pemerintahan sultan. Kesultanan menjadi bukti dan saksi kepada kedaulatan seseorang raja yang memerintah sesebuah negeri. Kesultanan negeri Perak merupakan warisan dan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara. Institusi kesultanan di negeri Perak amat mementingkan adat warisan dalam segala upacara istana termasuklah istiadat pertabalan. Upacara mencecah kaki di Beting Beras Basah oleh bakal Sultan semasa upacara pertabalan mereka menjadikan institusi kesultanan negeri Perak ini amat dihormati dan disegani.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya penulisan ini mengulas dan membincangkan tentang sejarah institusi kesultanan negeri Perak. Dalam mendapatkan maklumat dan data, hal ini tidak lengkap jika tidak mendapat kebenaran dan pengetahuan maklumat daripada sumber yang betul dan sahih. Oleh itu, penulisan kajian ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah-kaedah kualitatif dan kuantitatif yang telah digariskan untuk mendapatkan hasil yang dibentukkan dalam tesis. Setiap objektif kajian dijalankan melalui metodologi kajian yang telah dipilih oleh pengkaji bagi menentukan hala tuju kajian ini hingga ke akhirnya. Perkara ini akan dapat merungkai dan menjawab persoalan para pembaca terhadap institusi kesultanan di negeri Perak.

Kajian ini sememangnya adalah untuk menjadikan tapak ini sebagai sebuah tapak warisan yang bertaraf diraja. Usia tapak ini yang boleh dikategorikan sebagai sebuah tapak purba mengukuhkan lagi usul untuk tapak ini diiktiraf sewajarnya oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Oleh hal yang demikian usaha pihak kerajaan negeri khususnya dalam memulihara dan memelihara tapak ini akan membantu usaha dalam menjadikannya diiktiraf.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

1.11 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh kajian-kajian yang telah ditulis oleh para pengkaji terdahulu. Sorotan kajian ataupun sorotan kajian bertulis adalah pernyataan fakta yang akan menyokong objektif sesebuah kajian. Sorotan kajian ini merupakan fakta bertulis yang membuktikan ianya bukan rekaan oleh mana-mana pengkaji yang sedang menjalankan projek penyelidikan. Menurut Dr. Kamarul Shukri Mat Teh (2015), sorotan kajian ialah menurut definisi Bryman & Bell (2003), sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam perpustakaan atau literatur berkenaan topik atau fokus kajian penyelidikan. Menurut Creswell, (2005) pula menyatakan sorotan itu perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensistesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih. Justeru didalam penulisan ini sorotan literatur akan mempunyai perkaitan dan disusun mengikut skop penulisan kajian. Seterusnya dan akan mengungkapkan persoalan-persoalan yang berkaitan mengikut keperluan kajian.

1.12 Sejarah Awal Kesultanan Negeri Perak

Secara rasminya, kesultanan Perak yang masih bertakhta di Negeri Perak Darul Ridzuan sekarang menyatakan asal-usulnya daripada Sultan Muzaffar Shah putera kepada Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka yang mangkat di Kampar pada tahun 1530. Negeri Perak telah diasaskan oleh Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1528 di sebuah tempat bernama Tanah Abang (sekarang Teluk Bakong). Walaupun jauh sebelum itu telah wujud kerajaan Gangga Nagara di Beruas, tetapi kerajaan Hindu tersebut tiada kaitan dengan asal-usul kesultanan Perak yang ditubuhkan pada tahun 1528 itu (Winstedt & Wilkinson 1934; Andaya 1979; Fawzi Basri 1986). Dengan kata-kata lain, kesultanan Perak adalah warisan langsung daripada keturunan raja-raja yang pernah memerintah Negeri Melaka.

Terdapat cerita lisan masyarakat Melayu di Perak yang mengatakan sewaktu bahtera Raja Muzaffar Shah melalui kawasan Beting Beras Basah, turun ribut taufan dan ombak besar sehingga bahtera tersebut tidak dapat bergerak. Raja Muzaffar Shah terpaksa membuang peralatan yang dibawanya termasuk mahkota baginda. Selepas itu, baharulah ribut taufan reda dan bahtera boleh meneruskan pelayaran menelusuri Sungai Perak. Sejak daripada peristiwa itu, menjadi tradisi dan adat istiadat kesultanan Perak, manamana Sultan yang menaiki takhta kerajaan harus pergi ke Beting Beras Basah dan menjejakkan kaki baginda di atas beting tersebut. Beting Beras Basah kini terletak di persisiran Sungai Perak di Bagan Datoh, Perak. (lihat rencana Hazirah Che Sab, "Beting Beras Basah", Berita Harian, 24 Januari 2010, hlm. 4).

Selepas lautan reda, rombongan diraja ini meneruskan kembali perjalanan untuk ke kawasan yang dikenali sebagai Tanah Abang (Telok Bakong) yang kini terletak di dalam daerah Perak Tengah. Tiba sahaja di kawasan tersebut, dimulakan upacara istiadat pertabalan yang pertama dalam sejarah kesultanan negeri Perak. Istiadat pertabalan

dilakukan untuk mendaulatkan seseorang raja yang dipilih untuk memerintah negeri. Istiadat pertabalan yang dilakukan adalah kesinambungan dan warisan daripada kesultanan Melayu Melaka yang telah runtuh diserang Portugis. Semasa upacara pertabalan yang pertama ini dilakukan hampir kesemua alatan kebesaran yang digunakan adalah dibawa dan dikurniakan oleh Sultan Mahmud Shah iaitu Sultan Melaka yang terakhir dan juga ayahanda kepada Sultan Muzaffar Shah. Penggunaan alatan kebesaran ini semasa upacara pertabalan adalah untuk menunjukkan keagungan kesultanan baharu yang akan memerintah negeri Perak. (Winstedt & Wilkinson 1934; Andaya 1979; Fawzi Basri 1986).

Menurut manuskrip sejarah Salasilah Raja-raja negeri Perak (MS Maxwell 105) semasa istiadat pertabalan tersebut, rombongan pembesar dari sebuah di Hulu Perak iaitu Tok Temong membawa persembahan rombongan gajah sementara adiknya Tun Perabu membawa sebuah persembahan berupa tangkal azimat bernama 'Geliga Embun'. Sultan Muzaffar membalas persembahan Tok Temong dengan mengurniakan sebuah Puan Bujur ataupun nama lainnya tepak sireh. Pengurniaan Puan Bujur ini adalah untuk menunjukkan kedudukan Tok Temong sebagai pemerintah di kawasan Hulu Perak yang bernaung di bawah pemerintahan Sultan Perak. Semasa rombongan Tok Temong menyembah menghadap Sultan Muzaffar telah berlaku perbincangan yang membawa kepada sebuah penyelesaian di mana Sultan Perak sehingga keturunannya hanya memerintah di sebelah kiri Sungai Perak sahaja. Namun semasa campurtangan British dalam peristiwa penyerahan kawasan Reman kepada Sultan Perak telah menyebabkan perjanjian antara Sultan Muzaffar dan Tok Temong dahulu telah terbatal. (Shuwaibah Rasidi, 2020).

1.13 Istiadat Pertabalan Sultan Perak

Apabila seseorang raja yang memerintah negeri Perak itu mangkat ataupun tiada, maka seseorang raja yang baru akan dilantik dan ditabalkan untuk dijadikan pengganti bagi memerintah negeri Perak. Perlantikan seseorang raja itu ditetapkan setelah Dewan Negara bermesyuarat dan bersetuju waris Sultan yang akan dilantik. (Undang-undang 99, Azniza Ahmad Zaini. 2015).

Istiadat pertabalan yang digunakan adalah warisan yang diteruskan dan dikekalkan oleh Sultan yang bakal memerintah negeri Perak. Namun begitu, tidak kesemua amalan digunakan. Hal ini berlaku setelah berlakunya beberapa peristiwa penting. Semasa istiadat pertabalan terdapat beberapa upacara pertabalan yang diwajibkan untuk dilakukan iaitu tabal adat dan tabal pusaka. Tabal adat adalah istiadat pertabalan yang dilakukan untuk menunjukkan seseorang sultan itu rasmi dilantik menjadi raja pemerintah negeri Perak. (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008).



Rajah 2.1: DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Shah sedang mencium Pedang Cura Si

Manjakini

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/WdgzJvUzMUSAEWoC7>)

Upacara pertabalan diteruskan dengan upacara tabal jin. Namun kini, upacara ini telah ditukar kepada tabal pusaka atas nasihat mufti Perak pada masai itu iaitu Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri Hj Harussani bin Hj Zakaria ketika pemerintahan Almarhum Sultan Azlan Shah. Kejadian ini berlaku ketika beberapa tahun permulaan perkhidmatannya sebagai mufti Perak. Asal daripada tercetusnya campurtangan beliau ini adalah untuk membendung dan mencegah amalan-amalan khurafat yang diamalkan di Istana Perak yang telah lama diamalkan (Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti' terbitan UUM Press, 2018).



Rajah 2.2: Mufti Perak ketika itu Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri Haji Harussani bin Hj Zakaria

(Sumber : <https://images.app.goo.gl/UPivfRQss5q34hgC8>)

Mendengar nasihat dan penerangan tu, Sultan Azlan bersetuju dengan Harussani dan memperkenankan supaya amalan Tabal Jin dimansuhkan dari istiadat Istana Perak. Amalan tu kemudiannya diganti dengan Istiadat Tabal Pusaka yang hanya sekadar diiringi paluan nobat sebagai alat kebesaran dan dijirus air mawar, selain tak ada mentera yang digunakan. Dalam pada itu, beliau juga ada mengarahkan supaya adat pemakaian perhiasan emas berbentuk ular dimansuhkan selepas mendapat perkenan daripada Sultan Perak. Beliau menyatakan pemakaian perhiasan ular ini iaitu Pontoh Bernaga dan Pontoh Ular

Lidi ini adalah sebahagian daripada amalan firaun kerana ular merupakan tuhan bagi mereka. Namun usaha beliau ini terdapat risiko dimana beliau terpaksa dengan berbagai dugaan seperti diajak bertemu dengan jin dan menyebabkan paha beliau membengkak (Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti terbitan UUM Press, 2018).

Salah satu amalan yang menurut Harussani masih belum berjaya dihentikan olehnya adalah 'perasap keris' iaitu amalan yang dilakukan apabila alat-alat di istana (keris, tombak, perkakas diraja, alat-alat kebesaran diraja dan semua jenis senjata) berpindah tangan daripada sultan yang telah mangkat kepada sultan yang baru ditabalkan. Bagaimanapun, masih ada beberapa amalan yang masih dibenarkan dan dikekalkan sehingga ke hari ni seperti 'Istiadat Mencecah Kaki di Beting Beras Basah' dan 'Istiadat Mengambil Air Bersiram Tujuh Kuala Sungai Perak'. Ini kerana, bagi Harussani – Beting Beras Basah hanya perbuatan simbol Sultan Perak pertama yang bercemar duli turun di beting berkenaan. Manakala, air tujuh kuala sungai pula, menunjukkan lambang tujuh kuasa daerah di Perak yang pada masa dulu menjadi sempadan negeri (Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti terbitan UUM Press, 2018).

1.14 Istiadat Tabal Adat

Istiadat Pertabalan dimulakan dengan Dato' Pengelola Bijaya Diraja yang menatang Al-Quran diiringi Sahibul Samahah Mufti Kerajaan Perak masuk ke Balairong Seri bersama Raja Chik Muda Pawang Diraja yang *menatang* Pedang Cura Si Manja Kini dan didahului oleh Panglima Dalam yang diapit oleh Panglima Perang Kanan dan Panglima Perang Kiri dan Bentara-Bentara di kiri dan kanan. Apabila tiba di hadapan Singgahsana Dato' Pengelola Bijaya Diraja memohon ampun Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan untuk meletakkan Al-Quran di atas meja khas. Setelah memberi hormat, dulang berisi Pedang Cura Si Manja Kini dibawa naik oleh Raja Chik Muda Pawang Diraja ke singgahsana hingga ke tingkat dua, bertelut memohon ampun Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan menyembahkan Pedang Cura Si Manja Kini ke *Bawah* Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan (Kuala Kangsar: Pejabat DYMM Sultan Perak).



Rajah 2.3: Perarakan masuk DYMM Paduka Seri Sultan bersama Raja Permaisuri

(sumber: Jabatan Penerangan <https://images.app.goo.gl/mnZsfwHEnyT22R6G6>)

Baginda menerima pedang tersebut, menghunus mata pedang lalu mengucup. Selepas Raja Chik Muda Pawang Diraja mengundur diri dari Singgahsana, Toh Seri Nara Diraja berjalan masuk ke Balairong Seri dan terus naik ke Singgahsana hingga ke tingkat dua dan mempersembahkan Mastika Embun dan menyunting Cap Halilintar ke telinga kanan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sambil membisikkan "Rahsia Nisab Sultan I". Kemudian diikuti pula dengan Pengisytiharan Pemasyhuran Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan yang Dibaca Oleh Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja. Apabila selesai, Orang Kaya Temenggong Paduka Raja mengangkat sembah dan berseru tiga kali "Daulat Tuanku" berturut-turut diikuti oleh sekalian yang hadir (Kuala Kangsar: Pejabat DYMM Sultan Perak).

"Nobat Tabal" dipalu dan tembakan meriam dua puluh satu das dilepaskan. Selepas itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan menundukkan hulu Baginda membalas hormat yang diberikan oleh para hadirin. Istiadat Pertabalan diakhiri dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Doa Selamat oleh Sahibul Samahah Mufti Kerajaan Perak. Sehari selepas Tabal Adat, dilaksanakan pula Istiadat Tabal Pusaka dan pada hari berikutnya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri akan berangkat menziarahi Makam-makam Diraja yang terletak di seluruh Negeri Perak. Disebabkan kebanyakan Makam-makam ini terletak di tebing Sungai Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan akan berangkat menaiki Balai Gambang bernama "Chempaka Sari" yang dibina khas bagi tujuan tersebut. Istiadat menziarahi Makam-makam Diraja ini diakhiri dengan Istiadat Menziarahi Beting Beras Basah di Kuala Sungai Perak sebagai mengingati sejarah Sultan Perak Yang Pertama, Sultan Mudzaffar Shah (1528-1549).

1.15 Istiadat Tabal Pusaka

Sehari selepas Tabal Adat, dilakukan pula Istiadat Tabal Pusaka dan pada hari berikutnya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri serta pengiring-pengiring Baginda berdua akan menziarahi Makam di-Raja di seluruh Negeri Perak. Di antaranya termasuklah Makam Tok Temong, Makam Kota Lama Kanan, Makam Sayong, Makam di-Raja Bukit Chandan dan Makam Teja. Kemudian Baginda berdua akan berangkat menaiki Balai Gambang bernama "Chempaka Sari" lalu menghilir untuk menziarahi Makam Marhum-marhum yang terdahulu yang dimakamkan di sepanjang Sungai Perak hingga ke Teluk Intan. (Kuala Kangsar: Pejabat DYMM Sultan Perak).

Selepas mendarat di Teluk Intan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan akan kemudiannya berangkat ke Beting Beras Basah sementara Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri akan beristirahat di Teluk Intan dengan membawa bersama Baginda Alat-alat Perkakas Kerajaan. Mengikut adat, kaum wanita tidak boleh beserta Paduka Seri Sultan ke Beting Beras Basah dan Alat-alat Perkakas Kerajaan tidak boleh dibawa ke laut (Kuala Kangsar: Pejabat DYMM Sultan Perak).

Kali terakhir upacara pertabalan sultan Perak adalah semasa Istiadat pertabalan Sultan Perak yang ke-35 iaitu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada tahun 2015. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah dan rombongan diraja berangkat tiba ke Jeti Bagan Datoh pada waktu subuh selepas menunaikan solat subuh bersama penduduk tempatan. Bacaan doa dan selawat diadakan sebelum Baginda berangkat ke Beting Beras Basah menaiki bot amfibia milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Keberangkatan baginda diiringi oleh beberapa buah

bot yang membawa anggota keselamatan, perubatan dan petugas media (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2016).



Rajah 2.4: DYMM Paduka Seri Sultan di Beting Beras Basah mencecah kaki

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/tp8G4zwLDcB41TjS8>)

Diantara yang mengiringi Baginda adalah Menteri Besar Perak Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abdul Kadir, Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr Afifi Al-Akiti, Toh Seri Nara Diraja Mohd Shah Nong Chik dan Raja Cik Muda Pawang Diraja Raja Rosli Raja Mohamad. Hadir sama adalah Anggota Parlimen Bagan Datoh yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahidi Hamidi. Baginda tiba di Beting Beras Basah sekitar jam 07:20hrs. Baginda kemudiannya mencelupkan kaki dan membasahkan muka Baginda di Beting Beras Basah sebagai tanda Baginda telah selamat sampai ke Beting Beras Basah. Doa dibacakan oleh Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr Afifi Al-Akiti diikuti seru "Daulat Tuanku" sebanyak 3 kali. Setelah Istiadat Mencecah Kaki ke Beting Beras Basah disempurnakan, Baginda dan rombongan berangkat pulang ke Jeti Bagan Datoh. (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2016).

1.16 Ikon Sejarah, Warisan dan Pelancongan Daerah Bagan Datuk

Antara kawasan yang berpotensi tinggi untuk dijadikan sebagai tempat tumpuan pelancong dan pelawat dari dalam dan luar negara adalah di kawasan muara Beting Beras Basah. Kedudukan tapak ini yang berada di muara Sungai Perak menyebabkan ianya sebuah kawasan yang begitu indah dengan dikelilingi hutan paya bakau yang telah wujud secara semulajadi . Kawasan beting ini yang menghadap ke arah Selat Melaka menyebabkan ianya sebuah tempat yang amat diminati orang ramai akan pemandangannya yang begitu mendamaikan. Kawasan Beting Beras Basah ini, menjadi tumpuan jurugambar terutamanya untuk melakukan penggambaran ketika waktu matahari terbenam. Selain daripada Menara Condong Teluk Intan yang terletak tidak jauh dari kawasan ini iaitu sejauh 45 kilometer yang sememangnya dikenali ramai. Pengunjung yang telah melawat ke Menara Condong ini kebiasaanya akan turut datang ke muara Beting Beras Basah.

1.17 Dasar dan Strategi Kerajaan Berkaitan Pelancongan

Pelancongan merupakan sektor yang diberi penekanan serius oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri kerana keupayaannya dalam menjana pendapatan dan mengubah landskap persekitaran setempat. Perkara ini dapat dilihat dengan dimana kerajaan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan dasar, strategi dan insentif yang mesra pelabur dalam menarik para pelabur bagi mereka melabur terutamanya dalam sektor penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, dan sebagainya. Di Malaysia kebanyakan tempat-tempat warisan sejarah yang kurang diberikan perhatian akan kewujudannya sering dipinggir dan ditinggalkan (Shahrul Zaman Yahya, 2005).

Pelancongan di Bagan Datuk, telah bermula sejak sekian lama. Pelancong ini terdiri daripada anak rantau Bagan Datuk yang pulang ke kampung halaman untuk

melawat keluarga, rakan-rakan dan saudara mara bagi menghadiri majlis kenduri kendara misalnya. Sektor pelancongan di Bagan Datuk mula mendapati perhatian serius apabila YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang merupakan Ahli Parlimen Bagan Datuk dilantik sebagai Timbalan Menteri Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan pada tahun 2006. Pada ketika itu, beliau telah memperkenalkan program Homestay Bagan Datoh yang terdiri daripada 75 buah rumah peserta daripada 13 buah kampung. Termasuk Kampung Sungai Betul yang begitu dekat dengan muara Beting Beras Basah. Selain itu beberapa buah projek pembangunan yang berkaitan pelancongan juga dibangunkan meliputi membina jeti di Beting Beras Basah.



Rajah 2.5: YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/ahmad.zahid.hamiditpB41Tj78>)

Seperti mana yang diketahui, Beting Beras Basah yang terletak di muara Sungai Perak hanya boleh dilihat semasa fenomena air surut, kepentingan kawasan ini amat signifikan terhadap kewujudan kesultanan Melayu Perak. Masalah utama Beting beras

Basah tidak dapat diakses menggunakan kenderaan ringan, Jalan Ladang FELCRA Rungkup IV yang tidak berturap dan becak ketika hari hujan menyukarkan pengunjung untuk kesini. Selain itu, orang ramai tidak mengetahui lokasi ini disebabkan kedudukannya yang terpencil dan ketiadaan papan tanda penunjuk arah ke Beting Beras Basah. Pada Tahun 2015, kerajaan Negeri Perak telah membelanjakan RM 1.7 juta untuk membangunkan produk-produk pelancongan ini. antara yang telah dibangunkan adalah menaiktaraf laluan masuk ke Beitng Beras Basah sepanjang 2.5 kilometer. Seterusnya penyediaan kemudahan seperti pintu gerbang dan papan tanda lokasi. Selain itu juga, di Beting Beras Basah ini juga telah disediakan kemudahan tandas awam dan tempat letak kereta dan juga jeti konkrit yang menghubungkan daratan dengan kawasan beting pasir pada bahagian muara.

Beting Beras Basah ini telah menjadi tumpuan sempena pertabalan Sultan Nazrin Shah yang mengunjungi lokasi ini pada 14 Mei 2015 yang lalu. Bagi memelihara ekologi terutama keranan ianya yang berada di kawasan hutan paya bakau secara semulajadinya, Kerajaan Negeri Perak telah menggazetkan kawasan Beting Beras Basah ini sebagai Taman Warisan Negeri yang meliputi kawasan seluas 20 ekar pada tahun 2015 (Shahrul Zaman Yahya, 2015).



Rajah 2.6: Pintu gerbang masuk ke Beting Beras Basah dan jalannya yang berturap

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 18 Mei 2021)



Rajah 2.7: Jeti konkrit yang menghubungkan daratan ke kawasan beting

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 18 Mei 2021)



Rajah 2.8: Pintu gerbang masuk ke kawasan di kawasan meletak kenderaan

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 18 Mei 2021)

1.18 Beting Beras Basah Sebagai Kawasan Mistik

Dalam sejarah masyarakat negeri Perak khususnya di kawasan Bagan Datuk melalui orang-orang tua, kawasan air pular di Beting Beras Basah itulah kawasan yang sebenarnya dikatakan kawasan Tasik Pauh Janggi. Tasik Pauh Janggi ini dianggap sebagai kawasan misteri sejak berkurun lamanya sebelum kedatangan Sultan Muzaffar Shah I (Sultan Perak yang pertama ke Negeri Perak (Winstedt & Wilkinson 1934; Andaya 1979; Fawzi Basri 1986).

Menurut penduduk tempatan, perkataan Pauh Janggi sebenarnya adalah merujuk kepada buah kelapa laut. Ada juga yang mengatakan ianya berkait rapat dengan Sepoh Janggi dalam Bahasa Brunei atau Sulu yang merupakan belahan biji benih kelapa laut yang telah diberikan kepada Putera Bongsu atau nama lainnya Pengiran Shahbandar Maharajalela dan telah dihantar kepadanya bertujuan untuk dijadikan naik takhta Sultan Sulu sekitar tahun 1600 dengan gelaran Sultan Mawalil Wasit I. Waris Kesultanan Brunei yang ke-9 iaitu Sultan Shah Brunei (Winstedt & Wilkinson 1934)



Rajah 2.9: Sepoh Janggi atau Pulau Janggi

Jika diambil kira dengan kedatangan Sultan Muzaffar Shah I yang merupakan Sultan Perak yang pertama pada tahun 1528, ianya sudah tidak selari dengan penceritaan apabila kisah misteri Tasik Pauh Janggi yang dikatakan wujud sebelum kedatangan Sultan Perak yang pertama dan ianya dikaitkan dengan Sepoh Janggi. Jadi penceritaan ini, boleh disangkal dan tidak ada kaitan jika Kembali kepada fakta asalnya.



Rajah 2.10: Kelapa laut atau nama lain Pauh Janggi

(Sumber: <http://lokalgenius.blogspot.com/2015/06/misteri-pauh-janggi.html>)

Misteri yang sebenarnya telah berlaku berkenaan dengan Tasik Pauh Janggi yang ada di Beting Beras Basah adalah ianya sering menjadi tumpuan untuk pengamal perubatan tradisional, bomoh-bomoh, pengamal ilmu hitam, pengamal ilmu batin, guru-guru persilatan dan banyak lagi tidak kira dengan niat yang baik mahupun buruk. Kawasan ini dikatakan adalah sebuah tempat yang menjadi lokasi untuk memenjarakan makhluk-makhluk halus dan ghaib.

Ada juga versi lain menurut penduduk tempatan yang menyatakan bahawa kawasan ini menjadi tempat perhimpunan buat semua makhluk ghaib atau jin di seluruh dunia. Ada juga lain yang menceritakan, tentang dibawah Tasik Pauh Janggi terdapat

sebuah lagi lubang pusar yang laju dan didalamnya. Di dalam lubang pusar tersebutlah dikatakan terdapat sebuah kerajaan yang diperintah oleh tujuh jin yang berkuasa. Ia juga dikatakan sebagai pusat kepada seluruh makhluk ghaib dan jin Islam dan yang bukan Islam. Disebabkan kepercayaan ini ada versi lain tentang sejarah kedatangan Sultan Perak yang pertama terpaksa menyelam ke dasar laut selama tujuh hari tujuh malam setelah melafazkan sumpah untuk mengadakan perjanjian dengan orang ghaib yakni jin yang memerintah kawasan Tasik Pauh Janggi untuk mendapatkan kebenaran memerintah sebelah dalam Negeri Perak.

BAB 3

METODOLOGI

1.19 Pengenalan


Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kajian, subjek atau sampel kajian, prosedur kajian, prosedur pengambilan data serta prosedur penganalisan data. Chua (2010).

Menurut Ahmad Rushdi, (2010) secara amnya, kajian seumpama ini mencantumkan dua jenis asas penyelidikan untuk menghasilkan hasil kajian yang lebih berkualiti. Jenis asas penyelidikan yang dimaksudkan ialah kajian kepustakaan (library research) dan kajian di lapangan (field research). Cantuman kedua jenis penyelidikan ini amat sesuai dengan penyelidikan zaman sekarang yang mementingkan kedua-dua unsur tersebut.

Manakala kajian lapangan dalam kajian ini adalah berdasarkan pandangan Asmah Omar (2002) iaitu merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berdasarkan objektif kajian. Dalam kajian ini ia merujuk

1.20 Rekabentuk Kajian


Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji ini adalah lebih mengutamakan kepada cara pengumpulan data dan maklumat untuk menjawab persoalan-persoalan yang dibincangkan. Untuk mencapai objektif yang dinyatakan oleh pengkaji, pelbagai metod telah digunakan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah melibatkan dua sumber iaitu primer dan sekunder. Menurut Syed Ismail (2010), menyatakan sumber primer ialah penemuan baru penyelidikan asli, boleh diterbitkan atau tidak boleh merupakan



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Carta alir metodologi kajian diatas (Rajah 3.1) adalah susun alur yang amat penting bagi pengkaji bagi melancarkan pengumpulan data bagi penyelidikan ini. Carta ini berfungsi sebagai panduan dan sebuah prosedur operasi standard bagi pengkaji sebagai rujukan kerja pengkaji. Dengan adanya carta ini, pengkaji dapat melihat gambaran awal secara keseluruhan kerja pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji lebih memilih untuk menggunakan keseluruhan kaedah yang telah disenaraikan untuk

memudahkan proses pengumpulan maklumat lebih teratur dan jelas serta tepat. Seterusnya terdapat sebuah lagi perkara yang perlu diikuti sebelum memulakan kajian ini, iaitu sebelum kajian dijalankan, semasa kajian dijalankan dan selepas kajian dijalankan.



Rajah 3.2: Carta Alir Bagi Kaedah Penyelidikan

1.20.1 Rajah 3.2: Kajian Terdahulu

Kunjungan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok dan Perpustakaan Awam Daerah Teluk Intan telah dijalankan. Tujuan lawatan adalah bagi mendapatkan pengenalan lebih awal tentang kajian yang akan dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh dan sebanyak mungkin dapatan dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Sumber rujukan yang diperolehi terdiri daripada buku rujukan, artikel, jurnal, tesis dan teks kajian ilmiah yang terdapat pada kedua-dua perpustakaan ini. Data yang diperolehi ini dikategorikan sebagai data-data jenis sekunder yang akan

digunakan bagi memperoleh maklumat tambahan yang berkaitan dengan kajian ini. Maklumat-maklumat ini penting semasa kajian ini dijalankan yang mana ianya akan membantu dalam melengkapkan persoalan kajian ini.

1.20.2 Kajian Lapangan

Pada peringkat ini pengkaji akan menjalankan kajian dimana pengkaji akan melakukan lawatan secara langsung ataupun pemerhatian ke tapak lapangan. Pemerhatian merupakan sebuah proses penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jelas bagi menjelaskan dan menjawab kepada persoalan. Selain itu, kajian ke tapak kajian juga membantu pengkaji untuk mengumpulkan beberapa maklumat tambahan yang akan membantu proses perjalanan kajian ini. Pada proses ini pengkaji sendiri akan melakukan pemerhatian bagi memperoleh maklumat seperti pengambilan gambar dan catatan yang dapat membantu melengkapkan kajian ini. Melalui kaedah ini, gambar-gambar dan catatan yang telah diambil akan direkodkan bagi tujuan pengumpulan data yang akan dimasukkan kedalam laporan penulisan projek penyelidikan.

1.20.3 Temubual

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat. Tujuan diadakan temu bual ini ialah untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Item-item dalam borang soal selidik yang berkaitan dengan maklumat Muara Beting Beras Basah dan pandangan masyarakat mengenai keistimewaan Beting Beras Basah serta cadangan bagi mempromosikan Beting Beras Basah ini. Soalan-soalan temubual yang akan

digunakan adalah tidak berstruktur. Sampel temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan khusus bagi melengkapkan penulisan kajian ini. Sampel temu bual ini akan melibatkan beberapa responden yang terdiri daripada Pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Bagan Datuk, Penghulu Mukim Bagan Datuk, penduduk setempat dan responden dari dalam Daerah Bagan Datuk dan juga masyarakat luar.

1.20.4 Catatan

Setiap maklumat diperolehi melalui pembacaan dan juga lisan iaitu temu bual yang dilakukan oleh pengkaji akan dicatatkan kesemuanya di sebuah buku catatan. Melalui kaedah ini maklumat yang diterima dapat dikumpulkan di sebuah buku catatan bagi mengelakkan risiko kehilangan data. Selain itu, penggunaan gajet seperti telefon pintar juga digunakan, dimana maklumat yang diperolehi disimpan di beberapa aplikasi seperti Whatsapp dan juga Nota. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dan data yang bakal digunakan semasa proses pendokumentasian dan penganalisan data. Catatan pengkaji dibantu dengan catatanringkas berserta rajah yang agar pengkaji dapat mengumpulkan maklumat terutamanya daripada kaedah temu bual.

1.20.5 Rakaman Foto

Kaedah rakaman foto yang dilakukan oleh pengkaji semasa lawatan ke perpustakaan dan lapangan kajian akan digunakan untuk memperkuat lagi bukti kajian. Foto-foto yang diambil terdiri daripada keadaan binaan dan kawasan sekitar kawasan Muara Beting Beras Basah. Rakaman foto ini juga membantu pengkaji semasa proses pengumpulan maklumat yang berkaitan. Foto-foto yang

telah diambil akan diletakan didalam laporan untuk memberikan gambaran suasana serta maklumat bagi kajian ini. Kaedah ini juga amat penting bagi pengkaji untuk memudahkan pengkaji mengumpulkan maklumat-maklumat penting sebagai alternatif kedua selepas kaedah catatan. Dalam melakukan kaedah ini, pengkaji menggunakan peranti telefon pintar milik pengkaji.

1.20.6 Penelitian Dokumen Laporan Penulisan

Setelah kesemua data dan maklumat yang diperolehi lengkap menggunakan kaedah pengumpulan data yang telah dipilih, pengkaji seterusnya dan seharusnya melakukan penelitian dan rujukan dokumen ataupun catatan yang biasanya terdapat di arkib. Menurut Creswell 2009, menyatakan penelitian dokumen merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian yang melibatkan kualitatif. Seterusnya pada tahun 2005, Creswell menyatakan bahawa penelitian dokumen ini dapat mengumpul data kualitatif dalam membekalkan maklumat serta informasi yang digunakan untuk menjawab soalan kajian. Penulisan dokumen ini adalah dimana kesemua maklumat dan data tidak kira dari segi catatan, rakaman foto serta lain-lain digunakan untuk proses dalam melancarkan laporan penulisan. Oleh hal yang demikian, kaedah ini bertujuan untuk melihat segala perjalanan mengenai kajian yang sedang dijalankan sama ada ianya berjaya mahupun tidak. Akhir sekali, laporan penulisan harus ditulis dengan memasukkan segala maklumat dan data yang diperolehi agar proses penelitian dokumen dapat dijalankan agar saling berhubung kait dan bertepatan.

1.21 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan suatu alat yang digunakan oleh mana-mana pengkaji Ketika menjalankan kajian. Menurut Norhayati pada tahun 2011 menyatakan instrument kajian adalah mengenai soalan ataupun kenyataan-kenyataan yang dibentuk khas untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Pembentukan instrument kajian amat penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan untuk mengukuhkan dan menyokong kajian pengkaji. Tujuan utama penyediaan instrument kajian adalah untuk memudahkan urusan pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan data bagi memastikan objektif kajian tercapai dan berjalan dengan lancar.

Kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah pengkaji menggunakan pengumpulan maklumat dan data menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual. Melalui temu bual, beberapa pihak atau masyarakat akan terlibat sebagai responden. Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Bagan Datuk ataupun wakil dan juga Penghulu Mukim Bagan Datuk adalah responden yang akan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data yang tepat bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, penduduk setempat dan juga masyarakat luar berperanan dalam menyatakan pendapat mereka berkaitan dengan tapak kajian ini.

Seterusnya kaedah kajian melalui pemerhatian dilakukan dengan berkunjung ke tempat kajian dengan secara langsung untuk memerhati dan melakukan proses rakaman foto ke atas tapak kajian tersebut. Pemerhatian yang akan digunakan terhadap sampel kajian lebih terperinci, jelas dan lebih tepat akan menjadi maklumat yang boleh dijadikan rujukan (Norhayati, 2011). Pemerhatian yang dijalankan akan menjadikan proses pengumpulan data dan maklumat lebih sistematik dan terurus supaya masa dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Hasil daripada pemerhatian melalui lawatan ke tapak kajian ini akan dicatat dan dirakamkan.

1.22 Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data yang telah dikumpulkan adalah satu kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat segala maklumat yang telah diperolehi melalui data primer, sekunder dan juga soal selidik. Sebelum kajian lapangan dimulakan pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran daripada fakulti untuk menjalankan kajian. Seterusnya pengumpulan data dilakukan melalui rujukan buku dan kajian lepas yang telah dibuat di perpustakaan. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan rujukan dan saranan daripada pensyarah dan juga penyelia daripada elektif Konservasi Warisan. Responden yang terlibat secara lisan untuk mendapat persetujuan dan kebenaran mereka sebelum apa-apa temu bual dan rakaman foto dijalankan. Responden yang terlibat bebas untuk menyatakan pendapat dan saranan mereka selain mereka juga bebas untuk menentukan tarikh dan juga tempat untuk melakukan proses temubual. Hal ini untuk memudahkan urusan responden agar tidak menyukarkan keadaan mereka. Pengkaji meyakinkan responden bahawa kajian ini akan mendatangkan pelbagai manfaat yang boleh digunakan dalam menjaga keharmonian Muara Beting Beras Basah sebagai sebuah tempat yang penting kepada Negeri Perak Darul Ridzuan. Selain itu pengkaji juga meyakinkan responden bahawa kajian ini amat penting kepada generasi akan datang sebagai sebuah rujukan.

1.23 Kaedah Analisis Data

Merriam (1998) menyatakan pengumpulan dan penganalisisian data merupakan suatu proses dimana satu aktiviti serentak dalam kajian kualitatif. Analisis dijalankan selepas hasil maklumat melalui temubual, pemerhatian dan pembacaan yang pertama telah diperolehi. Pada tahun 1998, Merriam sekali menyatakan penerangan mengenai analisis data perlu diuruskan dan ditapis sebaik sahaja pengumpulan data dilakukan.

Perkara ini akan membantu dan memudahkan pengkaji untuk menganalisis soalan-soalan yang bakal diajukan kepada responden yang sekaligus membantu pengkaji untuk menetapkan pendiriannya dalam mengkaji kajian yang akan dilakukan.

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

Objektif Kajian	Kaedah Penyelidikan
1. Apakah keistimewaan muara Beting Beras Basah sebagai lokasi pertabalan Sultan Perak yang perlu dipelihara?	Kajian perpustakaan dan temubual
2. Adakah pandangan masyarakat mengenai keistimewaan Beting Beras Basah?	Soal selidik dan temubual
3. Apakah kaedah promosi yang boleh dilakukan bagi memperkenalkan Beting Beras Basah kepada masyarakat dalam dan luar negara?	Kajian perpustakaan dan temubual

1.24 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil jangkaan dapatan kajian ini dijangkakan akan dapat membantu dalam menjawab persoalan-persoalan kajian ini. Terutamanya dalam mengetahui akan kepentingan Muara Beting Beras Basah ini kepada institusi kesultanan yang ada di Negeri Perak Ridzuan. Hal ini akan dapat menepis persepsi masyarakat yang berpendapat bahawa kawasan ini terhad kepada pihak istana semata-mata. Melalui dapatan kajian ini juga akan dapat membantu para pembaca terutama yang masih belum mengetahui akan kepentingan kawasan ini.

Jangkaan hasil dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jelas akan kewujudan kawasan ini ke mata masyarakat setempat dan juga luar. Pemeliharaan dan usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak dalam mengekalkan dan menjaga kawasan ini telah berjaya mengekalkan kewujudan tapak bersejarah Beting Beras Basah.

1.25 Penutup

Kesimpulannya, kaedah dan teknik metodologi yang digunakan oleh pengkaji telah membantu pengkaji dalam melengkapkan penulisan kajian ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mampu mendapatkan pelbagai sumber maklumat dan data yang berilmiah yang sangat berguna untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan ini. Dengan adanya sumber maklumat ini, maka laporan penulisan kajian ini berjaya dilakukan. Namun begitu, jika sebaliknya berkemungkinan penulisan ini akan sukar untuk dijalankan. Peralatan-peralatan seperti buku catatan dan telefon pintar adalah sangat berguna dalam proses untuk mengumpulkan maklumat telah disiapkan untuk melancarkan proses pengumpulan data dan maklumat.

Metodologi kajian yang digunakan seharusnya dilakukan secara sistematik bagi mendapatkan hasil yang memuaskan seperti yang diinginkan. Maka dengan itu metodologi yang dilakukan secara sistematik amat penting dalam mendapatkan hasil yang bagus dalam melaksanakan sesebuah kajian. Diharapkan maklumat yang diperolehi melalui teknik dan kaedah metodologi ini akan membantu para pengkaji lain untuk dijadikan rujukan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

1.26 Pengenalan

Bab 4 ini merupakan bahagian dimana pengkaji akan merungkaikan, menghuraikan dan menyatakan segala maklumat dan data yang telah diperolehi serta dianalisis berdasarkan objektif kajian mengenai tajuk yang telah dipilih. Bahagian dapatan kajian merupakan kemuncak dan bahagian yang sangat penting terhadap penulisan ini. Hal ini demikian kerana, pada bahagian inilah pengkaji akan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan pada sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang dinyatakan oleh pengkaji iaitu yang pertama untuk mengetahui keistimewaan muara Beting Beras Basah sebagai lokasi upacara pertabalan Sultan Perak yang perlu dipelihara. Seterusnya, Mengetahui pandangan masyarakat mengenai keistimewaan Beting Beras Basah. Dan yang terakhir adalah Mencadangkan kaedah promosi yang boleh dilakukan bagi memperkenalkan Beting Beting Beras Basah kepada masyarakat dalam dan luar negara. Bagi mendapatkan jawapan terhadap ketiga-tiga objektif kajian ini, pengkaji telah menjalankan temubual bersama wakil daripada Pejabat Tanah dan Daerah Bagan Datuk iaitu, Encik Mohd Effendi bin Bakeri dari Unit Pembangunan Luar Bandar Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk.

Melalui temubual bersama Encik Effendi bin Bakeri, pengkaji mendapat pelbagai maklumat dan saranan yang amat penting dalam menjalankan penulisan kajian ini. Melalui temubual ini sememangnya sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan secara lancar. Hasil daripada temubual ini mendapati begitu banyak maklumat dan saranan dalam menjadikan kawasan Beting Beras Basah ini lebih dikenali ramai dan diketahui umum serta proses menjadikan sebuah kawasan yang amat penting kepada negara amnya dan lebih khususnya kepada negeri Perak Darul Ridzuan. Hal ini sekaligus dapat memanfaatkan segala kepentingan yang terdapat pada Beting Beras Basah ini.

Seterusnya bagi mendapatkan lagi sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan, pengkaji juga telah menemubual individu yang berperanan penting terhadap kawasan Mukim Bagan Datuk dan Rungkup. Kedua-dua individu ini adalah Penghulu Kanan Mukim Rungkup iaitu Encik Mohamed Ridzuan bin Baharuddin dan juga Encik Mohd Izhar bin Abidin iaitu Penghulu Mukim Bagan Datuk. Hasil daripada temubual ini mendapati begitu banyak maklumat dan saranan dalam Beting Beras Basah.

Selain itu juga dalam usaha untuk melengkapkan maklumat bagi kajian ini juga pengkaji telah melakukan beberapa lagi siri temubual bersama penduduk setempat yang tinggal berhampiran dengan Kawasan Beting Beras Basah ini. Antara responden yang terlibat dalam sesi temubual ini adalah Tuan Haji Shahbali bin Kamsah dan juga Encik Othman bin Khalid. Kedua-dua individu yang telah ditemuramah ini adalah merupakan antara orang penting di kawasan ini. Tuan Haji Shahbali merupakan Imam Utama Masjid Kampung Sungai Nipah Baroh, manakala Encik Othman bin Khalid pula merupakan Ketua Kampung Sungai Ular, Bagan Datuk. Daripada temubual bersama kedua orang ini pengkaji telah mendapat amat banyak maklumat yang penting dalam melengkapkan objektif kajian penyelidikan ini.

1.27 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam sesuatu penelitian kajian. Mereka berperanan dalam memberikan maklumat atau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 dibawah menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dengan responden.

Rajah 4.1 Nama Responden yang Ditemubual Pengkaji

Bil.	Nama Responden	Umur (Tahun)	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Effendi bin Bakeri	46	16 November 2021	A
2.	Mohd Izhar bin Abidin	41	19 November 2021	B
3.	Mohamed Redzuan bin Baharuddin	43	19 November 2021	C
4.	Shahbali bin Kamsah	68	17 November 2021	D
5.	Othman bin Khalid	61	17 November 2021	E

1.28 ‘Beting Beras Basah’ Antara Sejarah dan Mitos

Nama Beting Beras Basah itu sendiri sememangnya sudah membuatkan seseorang itu berasa hairan dan pelik. Bagi yang sudah mengetahuinya itu bukanlah perkara yang asing bagi mereka, namun menjadi sesuatu yang asing terutama bagi masyarakat luar dari negeri Perak dan juga rakyat negeri Perak itu sendiri. Nama Beting Beras Basah sering

menjadi perdebatan diantara orang lama dan juga sejarawan. Orang lama yang dimaksudkan disini adalah golongan generasi tua yang tinggal di kawasan Beting Beras Basah dan juga umumnya masyarakat yang tinggal di Daerah Bagan Datuk. Sejarah nama ini terdapat dua cerita yang berbeza. Iaitu daripada segi pengertian bahasa dan sumber lisan daripada orang lama. Pengertian dan sejarah nama dan disampaikan oleh orang lama dan juga penduduk tempatan mempunyai perbezaan ceritanya. Namun begitu, walaupun terdapat perbezaan bagaimana Beting Beras Basah ini mendapat nama bukanlah menjadi hal yang secara langsung mengubah kepentingan kawasan ini.

Jika dilihat melalui sumber lisan daripada orang lama dan juga penduduk tempatan, terdapat perbezaan mengenai bagaimana Beting Beras Basah itu mendapat namanya. Namun begitu, walaupun terdapat perbezaan sebilangan besar penduduk tempatan lebih gemar untuk menceritakan kedua-dua cerita bagaimana ia mendapat nama.

1.28.1 Beras yang Bertabur

Cerita lisan yang menceritakan bagaimana Beting Beras Basah itu mendapat nama daripada beras yang bertabur adalah dengan mengimbas kembali peristiwa kedatangan Sultan Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah dari Kampar, Sumatera yang terdapat di Indonesia. Menurut sejarah dan cerita lisan menyatakan bahawa semasa kedatangan baginda ke negeri Perak ini adalah melalui jalan air. Dimana baginda berserta rombongan diraja baginda telah belayar ke negeri Perak setelah dijemput oleh Pembesar ketika itu iaitu yang diketuai Tun Saban memahukan negeri Perak diketuai oleh seorang Sultan. Apabila sampai sahaja di muara Sungai Perak tepatnya di Beting Beras Basah kini, bahtera yang dinaiki oleh baginda telah dipukul ombak yang amat kuat menyebabkan bahtera baginda telah tersangkut di sebuah beting pasir.

Hal ini menyebabkan bahtera baginda tidak dapat meneruskan perjalanan untuk mudik ke hulu Sungai Perak. Ketika peristiwa inilah berlaku peristiwa dimana baginda mencampakkan mahkota baginda kedalam air di muara sungai ini sejurus baginda melafazkan sumpah daulat yang membuktikan baginda seorang raja yang berdaulat bagi menghentikan ribut yang sedang berlaku. Mengikut sumber baginda beserta rombongan telah turun daripada bahtera pergi ke darat tersebut sejurus ribut reda.



Rajah 4.1: Balai Peterana tempat dimana Sultan Muzaffar Shah ditabal buat pertama kali

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 18 Mei 2021)

Semasa turun daripada bahtera, baginda telah memikul seguni beras untuk dibawa ke darat yang akan dimasak dan dimakan oleh baginda beserta rombongan. Semasa memikul beras inilah berlaku peristiwa dimana Beting Beras Basah ini mendapat namanya. Guni beras yang dipikul oleh baginda telah bocor yang menyebabkan butir-butir beras didalam guni beras itu bertabur disepanjang laluan baginda. Diceritakan selepas baginda melafazkan sumpah daulat lautan yang sebelumnya bergelora serta berangin kencang telah tenang dan kawasan

muara sungai itu telah surut dan menyebabkan bahtera baginda tersangkut dan tidak dapat belayar untuk meneruskan perjalanan ke hulu sungai. Perkara ini menyebabkan baginda untuk naik kedarat untuk berehat menanti air kembali pasang. Peristiwa beras yang bertabur di atas beting pasir ini semasa baginda hendak naik kedarat menyebabkan permukaan beting pasir yang masih basah terdapat beras-beras yang tercicir. Melalui cerita lisan yang pertama ini menjadikan Beting Beras Basah mendapat namanya.

1.28.2 Keadaan Kawasan Beting Semasa Fenomena Air Surut

Cerita lisan yang kedua mengenai bagaimana Beting Beras Basah mendapat namanya adalah kerana keadaan beting pasir semasa surut yang dilihat seperti butir-butir beras yang basah sedang bertabur di kawasan ini. Cerita ini dapat disimpulkan bahawa kawasan ini mendapat namanya secara logik dan pengamatan penglihatan seseorang. Namun begitu, terdapat sumber lain yang menyatakan bahawa kawasan beting ini telah dinamakan oleh seseorang yang pada dahulunya jauh sebelum kedatangan Sultan Muzaffar Shah kenegeri Perak lagi. Individu yang dimaksudkan ini adalah Tok Kelah iaitu seseorang yang bertanggungjawab membuka hutan di kawasan Bagan Datuk ini. Tok Kelah diceritakan seseorang yang mempunyai ilmu-ilmu yang tinggi dalam ilmu mistik.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.2: Keadaan Beting Beras Basah semasa surut

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 18 Mei 2021)

Kawasan ini telah dinamakan oleh beliau sebagai Beting Beras Basah berikutan keadaan geografi kawasan beting pasir ini semasa fenomena air surut yang seakan-akan beras yang basah berair. Hal ini demikian kerana jika datang ke kawasan ini semasa air surut, beting-beting pasir yang timbul menyerupai butir-butir beras yang basah kerana warna pasirnya yang putih dan keperangan seperti warna beras yang sudah masak.

1.28.3 Beting Beras Basah Sebagai Lokasi Wajib Istiadat Pertabalan

Istiadat pertabalan bagi sultan Perak merupakan unik dan berbeza dibandingkan dengan istiadat bagi raja dan sultan negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia. Hampir separuh daripada istiadat pertabalan bagi raja dan sultan negeri lain hanya berlangsung di dalam istana sahaja. Berbeza dengan istiadat pertabalan bagi Sultan Perak ianya boleh dikatakan berlangsung hampir di seluruh

negeri Perak terutamanya di kawasan sepanjang Sungai Perak. Istiadat pertabalan Sultan Perak bermula dengan Istiadat Meletak Kerja yang menandakan istiadat pertabalan sudah dimulakan dan diakhiri dengan Istiadat Menutup Kerja. Semasa istiadat pertabalan ini lah berlangsungnya Istiadat Tabal Adat, Istiadat Tabal Pusaka, Istiadat Bersiram dan akhir sekali Istiadat Menziarahi makam-makam para Sultan terdahulu serta Makam Tok Temong.

Istiadat menziarahi makam-makam ini bermula dengan DYMM melawat Makam Tok Temong yang berada di hulu Sungai Perak di sebuah kawasan bernama Temong dan diakhiri dengan DYMM mencecahkan kaki di Beting Beras Basah. Kedudukan makam-makam ini yang terletak disepanjang tepi-tepi Sungai Perak berikutan kawasan tepi-tepi sungai ini menjadi kota pentadbiran dan pemerintahan para sultan terdahulu. Bermula di Kuala Kangsar baginda sultan yang sedang ditabal akan belayar menyusuri Sungai Perak menaiki sebuah kenderaan yang dinamakan Balai Gambang Cempaka Sari untuk menziarahi makam-makam ini.



Rajah 4.3: Balai Gambang Cempaka Sari

(Sumber: <https://www.orangperak.com/sejarah-balai-gambang-di-perak.html>)

Lokasi makam terakhir yang akan diziarahi baginda terletak di Teluk Intan, iaitu Makam Sultan Abdullah di Kampung Terengganu Teluk Intan. Teluk Intan kini merupakan bandar utama bagi daerah Teluk Intan terletak sejauh 45 km dari Beting Beras Basah. Kebiasaannya seperti istiadat pertabalan yang sebelumnya, setelah menziarahi makam terakhir ini baginda akan bermalam dan berehat di Istana Hinggap yang berada di Teluk Intan. Perjalanan baginda ke Beting Beras Basah hanya boleh dilakukan pada waktu air surut pada subuh hari. Hal ini demikian kerana menurut daripada cerita lisan yang telah diturunkan sejak dari generasi terdahulu menyatakan peristiwa bahtera Sultan Muzaffar Shah tersangkut di beting pasir Beting Beras Basah adalah berlaku pada waktu subuh hari. Maka sultan yang bertabal akan mengikut waktu tersebut untuk mencecahkan kaki di Beting Beras Basah. Urusan perkiraan pasang surut ini lazimnya telah diatur oleh Jawatankuasa Istiadat Pertabalan yang diketuai oleh Ahli Dewan Negara Perak.

Walaupun Beting Beras Basah ini hanya sekadar kawasan beting pasir namun peranannya amat penting terutamanya semasa berlaku upacara Istiadat Pertabalan Sultan Perak yang baharu. Hal ini demikian kerana adalah sebagai sebuah tempat untuk sultan yang baharu itu memperingati dan menghargai susah payah para sultan terdahulu terutamanya sultan Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah. Upacara mencecah kaki ini dapat mengimbau susah payah dan perit getir Sultan Muzaffar yang belayar dari Kampar, Sumatera dengan menaiki bahtera yang sememangnya tidak secanggih yang ada pada zaman sekarang. Selain itu, pelayaran Sultan Muzaffar ini bukanlah berjalan lancar. Sudah pasti banyak halangan dan dugaan yang ditempuh oleh baginda sebelum sampai ke

tempat untuk baginda bersemayam mendirikan kota pemerintahan di Tanah Abang di Bota Kanan.

1.28.4 Beting Beras Basah Sebagai Pintu Masuk Negeri Perak

Dahulu sebelum berlakunya campur tangan British keatas negeri Perak, garis sempadan negeri Perak belum lagi ditetapkan secara rasmi. Pada zaman dahulu sempadan negeri ditetapkan dengan cara sejauh mana bunyi paluan nobat dapat didengari. Ketika kedatangan Sultan Muzaffar Shah, semasa baginda tiba di Beting Beras Basah ketika baginda berehat di bahagian darat, kumpulan nobat yang telah belayar bersama baginda telah memainkan paluan nobat. Pada zaman itu, kawasan pentadbiran baginda ditetapkan dengan sejauh mana bunyi paluan nobat dapat didengari. Bermula di Beting Beras Basah dan sehinggalah baginda tiba di sebuah kawasan yang bernama Tanah Abang, paluan nobat telah dimainkan di sepanjang pelayaran baginda bagi menandakan kedatangan seorang raja yang akan ditabal menjadi sultan dan raja pemerintah yang pertama bagi negeri Perak. Simbolik paluan nobat pertama kali dimainkan di Beting Beras Basah menjadikannya sebagai kawasan pintu masuk dan permulaan bagi kawasan kerajaan Sultan Muzaffar Shah.

Sehingga kini, Beting Beras Basah merupakan sempadan negeri Perak yang menjadi had akhir dimana alatan kebesaran tidak boleh dibawa keluar melebihi dari kawasan ini. Kawasan Beting Beras Basah juga menjadi sebuah tempat had bagi seseorang sultan yang memerintah untuk tidak melebihi dan keluar dari kawasan ini. Hal ini demikian kerana sumpah sultan terdahulu yang bersumpah bahawa mereka tidak akan meninggalkan negeri Perak melebihi dari kawasan Beting Beras Basah ini. Hal ini terjadi dan akan digunapakai sekiranya baginda sultan berada di atas Sungai Perak sahaja.

1.29 Pandangan dan Kepercayaan Masyarakat

Umum terutamanya bagi penduduk tempatan mengetahui dan memandang tempat lebih kepada suatu kawasan yang keras dimana ianya tempat yang bukan boleh untuk melakukan sembarangan. Akan tetapi, ada juga sebilangan yang beranggapan tempat ini sebuah kawasan yang tidak penting kepadanya dan hanya khusus kepada institusi kesultanan Perak sahaja. Masyarakat Melayu dan juga masyarakat-masyarakat lain kebiasaannya menganggap kawasan yang jauh dari penempatan dan berada di tepi-tepi laut dan sungai merupakan kawasan yang keras dan dihuni oleh makhluk-makhluk halus. Jadi tanggapan masyarakat kepada kawasan Beting Beras Basah ini yang terletak jauh dari penempatan penduduk dan di muara sungai menyebabkan masyarakat lebih untuk meletakkan kepercayaan misalnya yang berkait dengan perkara-perkara mistik.

1.29.1 Kawasan yang 'keras'

Sejak dahulu lagi, penduduk yang terutamanya tinggal dengan kawasan ini telah menurunkan kepercayaan mereka kepada keturunan mereka sehingga hari ini akan kawasan ini kawasan yang keras dan berdaulat. Mereka yang tinggal di kawasan ini beranggapan kawasan ini dijaga oleh Jin yang melindungi negeri Perak dan mendampingi Sultan-sultan Perak. Bagi mereka yang datang ketempat ini diingatkan untuk menjaga tingkah laku dan percakapan semasa berada disitu.

Kawasan Beting Beras Basah sejak dahulu sehingga kini menjadi tempat yang popular terutama bagi pengamal-pengamal ilmu mistik dalam menjalankan kepercayaan dan perbuatan mereka. Pengamal ilmu-ilmu ini yang terutamanya di kawasan sekitar lebih untuk menjalankan perbuatan mereka di kawasan ini. Bukan itu sahaja, terdapat juga para pengamal ilmu-ilmu ini yang datang dari negeri-negeri lain ke tempat ini menjayakan perkara-perkara yang dihajatkan dan diperlukan oleh mereka. Oleh hal yang demikian, penduduk tempatan

terutamanya untuk lebih tidak mengambil berat malah ada yang langsung tidak mengambil endah akan perkara ini kerana ianya yang amat bertentangan dengan ajaran agama Islam terutamanya.

Kedatangan para pengamal ilmu mistik ini ke kawasan Beting Beras Basah adalah dengan pelbagai niat. Seperti contohnya, ada yang ke kawasan ini untuk membuang makhluk-makhluk halus yang diperolehi daripada pesakit mereka. Tujuan mereka memilih kawasan ini adalah kerana kawasan ini yang dikenali sebagai tempat perkumpulan para makhluk halus. Sebilangan para pengamal ilmu ini menyamakan kawasan Beting Beras Basah ini seperti Mekah di Arab Saudi yang menjadi tempat perkumpulan Umat Islam menjalankan ibadah dan manakala Beting Beras Basah ini bagi makhluk halus.

Selain itu, punca yang menjadikan penduduk tempatan menganggap kawasan ini sebagai kawasan yang keras adalah kerana di kawasan inilah dimana orang-orang yang menginginkan daulat dan juga pendamping yang terdiri daripada makhluk halus bagi diri mereka. Kejadian meminta daulat dapat dilihat semasa individu yang menggelar dirinya sebagai Sultan Melaka iaitu Raja Noor Jan Shah telah hadir bersama rombongannya datang ke Beting Beras Basah untuk melakukan istiadat pertabalan. Umum mengetahui bahawa Sultan Mahmud Shah merupakan Sultan Melaka yang terakhir yang mana baginda berserta rombongan telah meninggalkan Melaka dan telah mendirikan sebuah kerajaan di Kampar, Sumatera. Namun begitu, demi mendapatkan daulat sepertimana yang Sultan Muzaffar Shah, individu tersebut sanggup datang ke Beting Beras Basah untuk melakukan istiadat pertabalan.



Rajah 4.4: Individu yang mendakwa dirinya Sultan Melaka bersama pengikutnya sedang melakukan upacara pertabalan

(Sumber: https://twitter.com/bacs_14/status/446447365848055809?lang=da)

Kawasan Beting Beras Basah yang amat sinonim dengan perkara menuntut ilmu-ilmu hitam, menyebabkan ramai individu yang menjalankan perkara khurafat ini demi memenuhi nafsu dan kehendak mereka. Perkara menuntut ilmu ini jika dilihat di negara kita bukan berlaku di kawasan ini sahaja namun juga berlaku di tempat-tempat yang terkenal seperti Gunung Jerai, Gunung Ledang dan lain-lain lagi. Kebanyakan daripada mereka ini menuntut ilmu-ilmu ini mempunyai niat yang salah dan dilarang terutamanya dalam ajaran agama Islam. Ada diantara mereka yang bertapa dan melakukan perkara-perkara syirik seperti melakukan aktiviti pemujaan, penyeruan, dan lain-lain terhadap makhluk-makhluk halus yang tinggal di kawasan ini. Tujuan mereka kebiasaannya adalah untuk niat dan perkara buruk seperti untuk mendapatkan ilmu kebal, pelaris, pemikat, menurun serta berbagai lagi. Hal ini menyebabkan penduduk tempatan malah masyarakat luar juga untuk lebih tidak mencampurkan diri mereka terhadap

perkara mistik ini untuk mengelakan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku kepada mereka.

Bagi rakyat tempatan yang tinggal di kawasan ini sememangnya mempercayai bahawa kawasan Beting Beras Basah ini sebuah kawasan yang berdaulat dan tidak boleh dicemarkan kedaulatannya kerana kawasan ini menjadi kawasan penting semasa upacara istiadat pertabalan Sultan Perak. Kawasan Beting Beras Basah ini menjadi kawasan yang diwajibkan bagi seseorang sultan yang akan memerintah negeri Perak menjadi tempat yang wajib dilawatnya semasa berlangsungnya upacara pertabalan. Pertabalan Sultan Perak mewajibkan bakal-bakal sultan untuk melawat makam-makam sultan terdahulu dan yang terakhir adalah untuk mencecah kaki di kawasan Beting Beras Basah. Upacara mencecah kaki di kawasan ini adalah simbolik untuk bakal sultan yang memerintah untuk mengimbau Sultan Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah yang menjejakkan kakinya kali pertama ke negeri Perak iaitu di kawasan Beting Beras Basah ini. Seseorang sultan yang tidak mencecah kakinya di Beting Beras Basah ini tidak lengkap upacara pertabalannya dan tidak layak untuk memerintah negeri Perak.

Dahulu, semasa upacara mencecah kaki di kawasan ini sultan yang ditabal diwajibkan untuk bersemayam di sebuah peterana yang dibina di kawasan darat Beting Beras Basah. Semasa bersemayam di peterana tersebut, kumpulan Nobat Diraja Negeri Perak akan memainkan lagu-lagu nobat. Nobat akan dimainkan sehinggalah seseorang sultan yang sedang ditabalkan itu merasa tidak selesa. Semakin lama seseorang sultan itu bertahan dengan rentak nobat itu dipercayai semakin lama usia baginda memerintah negeri Perak dan sebaliknya sekiranya baginda bertahan sekejap. Namun begitu, semasa upacara pertabalan Sultan

Nazrin Muizzuddin Shah, upacara bersemayam dan nobat dimainkan di peterana khas ini telah dipinda. Baginda hanya sekadar mencecah kaki dan terus pulang semula ke jeti tempat baginda menaiki bot yang membawa baginda ke kawasan Beting Beras Basah iaitu di Jeti Bagan Datuk. Pindaan upacara ini adalah hasil daripada nasihat Mufti Perak ketika itu Tan Sri Dr. Hj. Harussani bin Zakaria, yang menasihatkan baginda serta jawatankuasa bahawa kawasan Beting Beras Basah yang banyak dihuni akan makhluk halus ini akan menyeru makhluk-makhluk tersebut yang akan membawa kepada perkara yang tidak diinginkan dan dapat melemahkan iman seseorang itu.

1.29.2 Pantang Larang

Sehingga sudah menjadi lumrah dalam sebilangan kehidupan masyarakat Melayu untuk mempercayai dan berpegang teguh dengan kepercayaan pantang larang. Walaupun negara kini sudah memasuki era globalisasi yang serba bergantung dengan kemodenan namun masih ada lagi yang masih berpegang dengan kepercayaan ini. Hal yang menjadi kepada kepercayaan sehingga hari ini adalah kerana masih ada penceritaan lisan. Selain itu, masyarakat tempatan terutamanya masih lagi memegang teguh kepada kepercayaan ini. Hal ini demikian kerana, ada cerita-cerita yang menjadi kenyataan jika melanggar pantang larang ini.

Masyarakat terutamanya jika berada di kawasan Beting Beting Beras Basah ini lebih cenderung untuk mengamalkan pantang larang ini untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku ke atas mereka. Pantang larang yang pertama adalah berada dalam keadaan suci. Suci yang dimaksudkan adalah terutamanya kepada golongan wanita. Wanita yang dalam keadaan haid adalah dilarang dan ditegah untuk pergi ke kawasan ini. Hal ini demikian kerana

untuk menjaga kesucian kawasan ini yang merupakan kawasan daulat. Ada sumber versi lain pula mengatakan golongan wanita yang sedang haid ini ditegah untuk ke kawasan ini adalah kerana untuk mengelakkan daripada diganggu oleh makhluk halus yang ada di kawasan ini. Mungkin ada logiknya kerana menurut kepercayaan Islam darah merupakan salah satu najis dan ianya amat digemari oleh makhluk halus. Selain itu golongan wanita yang sedang haid ini ditegah untuk ke tempat ini adalah kerana untuk mengelakkan makhluk ini mengikuti mereka sehingga pulang ke rumah dimana perkara ini adalah untuk menghindari perkara yang tidak diingini semakin berpanjangan.

Kepercayaan masyarakat tempatan yang kedua adalah untuk sentiasa menjaga niat dan percakapan semasa berada di kawasan Beting Beras Basah ini. Dikhabarkan bahawa sudah ada perkara yang tidak diingini berlaku jika seseorang itu melanggar pantang larang ini. Jika bertandang ke sini, seseorang itu dilarang untuk mengucapkan kata-kesat dan bercakap besar. Antara kesan yang akan berlaku keatas seseorang itu adalah seperti dirasuk, hilang tujuan, meracau dan sebagainya. Selain itu ada juga kesan fizikal yang boleh dilihat seperti bengkak-bengkak, timbul ketumbuhan diluar kulit dan sebagainya lagi. Namun demikian, jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti diatas masih ada lagi harapannya untuk diubati. Hal ini dapat diselesaikan kebiasaannya jika dirujuk dan berjumpa dengan seorang pawang diraja yang bertugas sebagai pawang diraja di Beting Beras Basah ini.

Pantang larang yang terakhir adalah dari segi perbuatan. Maklum bagi penduduk tempatan juga untuk sentiasa menjaga perbuatan mereka ketika berada di sini. Keadaan Beting Beras Basah yang amat sinonim sebagai tempat yang dihuni oleh makhluk halus sudah pasti akan ada perkara-perkara mistik yang

berlaku disini. Dari segi perbuatan, mereka yang hadir kesini adalah dilarang untuk melakukan perkara-perkara yang sumbang seperti melakukan khalwat dan banyak lagi. Kebiasaannya mereka yang melakukan perkara ini akan diganggu oleh 'penjaga' yang menghuni kawasan ini. Selain itu, adalah dilarang ditegah untuk mengambil barang-barang yang terdapat di kawasan ini. Ada cerita lisan penduduk tempatan yang mengatakan pada suatu masa ada seseorang pemuda yang telah membawa seperalatan yang berupa dulang perak yang terdapat tepak sireh lalu hendak dibawanya pulang ke rumah. Setelah membawa barangan itu, pemuda itu berlegar-legar di kawasan ia menjumpai barangan itu. Kejadian ini telah disedari oleh penduduk kampung yang berada disitu untuk mencari kerangan kepah. Penduduk yang sedar berusaha untuk menyedarkan pemuda itu dan mendapati pemuda itu telah mengambil barangan yang bukan miliknya.

Perkara terakhir yang ditegah dan dipercayai oleh masyarakat tempatan adalah untuk tidak membuang air kecil dan najis disembarangan tempat melainkan ditempat yang sudah dikhaskan. Kemuncak dan ia adalah merupakan pantang larang yang paling penting jika bertandang ke sini adalah untuk naik ke peterana tempat DYMM sultan bersemayam. Hal ini demikian kerana orang yang layak untuk duduk di peterana itu adalah DYMM Sultan Perak sahaja. Ada kisah yang menceritakan ada seseorang bercakap besar untuk duduk di atas di peterana itu. Setelah melakukan itu, individu itu meracau dan seolah-olah gila dalam masa sendiri.

1.30 Kaedah Promosi yang Boleh dilakukan Bagi Memperkenalkan Beting

Beras Basah

Kurangnya diberi perhatian menjadi punca kawasan bersejarah ini tidak diketahui umum malah untuk penduduk tempatan sendiri. Jika melihat tempat bersejarah yang di dalam negara seperti A Famosa di Melaka amatlah jauh berbeza jika dibandingkan dengan Beting Beras Basah ini. A Famosa lebih diketahui sebagai tempat bersejarah dan tumpuan para pelancong tidak kira dalam dan juga luar negara. Melihat perkara yang demikian, amat jelas membuktikan bahawa A Famosa itu dilihat sebagai sumber sejarah dan pelancongan kepada negara. Jika perkara yang sedemikian dapat dilakukan kepada Beting Basah Basah maka masalah kurang diketahui oleh masyarakat dapat diatasi. Hal ini hanya akan dapat dijayakan dengan melakukan kaedah promosi yang sewajarnya.

1.30.1 Pembangunan

Menerusi Rancangan Malaysia yang Kesebelas (RMK 11) terdapat beberapa suntikan yang mengkhususkan dalam bidang pelancongan dan pembangunan negara. Melalui dana dan peruntukan yang diterima ini serta dana yang terkumpul oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk telah pun membina beberapa infrastruktur-infrastruktur yang dianggap perlu terhadap pembangunan dan keindahan kawasan Beting Beras Basah ini. Perkara ini dapat dilihat dengan terbinanya sebuah jambatan konkrit yang menghubungkan daratan di kawasan ini hingga ke kawasan beting pasir. Sebelum terbinanya jambatan konkrit yang lebih kukuh ini pelawat yang ingin ke kawasan beting ini perlu mengharungi kawasan paya bakau yang berbahaya ataupun melalui jalan air dengan menaiki bot dari kawasan penempatan nelayan yang terdekat. Selain itu, pembangunan secara besar-besaran dapat dilihat sebelum upacara petabalan Sultan Perak untuk menjalankan upacara mencecah

kaki di kawasan Beting Beting Beras Basah ini. Contohnya pembinaan peterana untuk DYMM Sultan bersemayam semasa upacara pertabalan, pintu gerbang di jalan masuk ke Jeti Beting Beras Basah dan juga pintu gerbang di Jeti Beting Beras Basah. Selain itu, pembinaan tandas awam juga telah dibina untuk kemudahan pengunjung yang datang ke kawasan ini.



Rajah 4.5: Jeti Konkrit Beting Beras Basah

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 18 Mei 2021)

Selain daripada binaan yang sedia ada di kawasan ini, melalui pengurusan yang diketuai oleh Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk telah merangka beberapa usaha pembangunan untuk memeriahkan lagi kawasan Beting Beras Basah sebagai kawasan tumpuan lawatan pelancong. Menerusi penubuhan dan pembangunan Daerah Bagan Datuk sebagai sebuah bandar pelancongan yang berasaskan air yakni *Bagan Datuk Water City*(BDWC).BDWC yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi selaku Ahli Parlimen Bagan Datuk merupakan sebuah pelan jangka panjang dalam menjadikan Bagan Datuk sebagai

sebuah bandar pelancongan yang maju dari segala aspek. Frasa *Water City* dipilih berikutan faktor geografi daerah Bagan Datuk yang terletak diantara dua muara sungai iaitu muara Sungai Perak dan Sungai Bernam, selain itu Bagan Datuk yang terletak di sebelah perairan Selat Melaka menjadikannya sebuah tempat yang dikelilingi air menyebabkan konsep *Water City* dipilih. Dalam pelan pembangunan BDWC kawasan Beting Beras Basah tidak terkecuali untuk dibangunkan. Antara cadangan yang telah diusulkan adalah pembinaan sebuah bangunan galeri mengenai Beting Basah Basah. Pembinaan galeri ini adalah untuk menjadikan kawasan ini gah dan diberikan penghormatan yang setaraf seperti Istana Kenangan di Kuala Kangsar. Didalam rancangan ini, kewujudan galeri ini adalah untuk menjadikan kawasan ini sebagai kawasan tumpuan pelancong tidak kira dalam dan luar negara. Selain daripada itu, pembinaan galeri ini adalah untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.



Rajah 4.6: Keratan Akhbar mengenai Bagan Datuk Water City

(Sumber: <https://planmalaysia.perak.gov.my/index.php/mengenai-kami/keratan-akhbar/549-keratan-akhbar-perak-kaji-pembiayaan-dana-bagan-datuk-water-city>)



Rajah 4.7: Buku Draf Rancangan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035

(Sumber: <https://vdocuments.mx/ringkasan-keseluruhan-rtd-bagan-datuk-2035-1-latar-belakang-menyediakan-cadangan.html>)

Kawasan yang terdapat untuk pergi ke Beting Beras Basah yang pada ketika ini adalah ladang kelapa sawit milik FELCRA dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) ini akan ditebus milik dan akan dimajukan dengan pembinaan bangunan-bangunan kerajaan. Antara cadangan bangunan kerajaan yang akan dibina di kawasan tersebut adalah pembinaan Kem Pasukan Gerakan Am (PGA), bangunan Pentadbiran Persekutuan yang menempatkan jabatan-jabatan kerajaan. Selain itu, kawasan seluas +-50 ekar ini akan dibina dibina kem tentera. Cadangan pembinaan kem tentera dan kem PGA dilihat secara signifikan sebagai langkah pertahanan negara berikutan kedudukan Bagan Datuk ini yang terletak di sempadan perairan negara. Selain daripada itu cadangan pembinaan kem-kem ini akan menyebabkan sebarang salah guna dan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan di kawasan Beting Beras Basah ini dapat dielakkan.

1.30.2 Promosi

Dalam usaha menjadikan Beting Beras Basah lebih diketahui umum, penglibatan semua pihak tidak mengira latar belakang kaum, agama bangsa dan pendidikan amatlah diperlukan dalam menjayakannya. Walaupun berbeza cara dan pendekatan hal ini perlulah dititikberatkan agar objektifnya dapat dicapai dengan jayanya.

Kerajaan terutamanya kerajaan negeri Perak seharusnya memberi perhatian yang khusus akan kawasan ini. Hal ini demikian kerana, kawasan ini yang menjadi kawasan wajib semasa Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Perak. Pembangunan yang terkini adalah disebabkan kurangnya pemberian peruntukan yang khusus akan kawasan ini. Peruntukan secara besar-besaran dapat dilihat ketika sebelum upacara mencecah kaki oleh Sultan Perak yang akan menjalankan istiadat pertabalan iaitu pada tahun 2015. Sebelum adanya upacara ini kawasan ini dilihat sebuah kawasan yang tidak mempunyai apa-apa.

Seterusnya, usaha promosi yang perlu dilakukan adalah penglibatan ahli-ahli akademik dan sejarawan dalam menaikkan dan menjadikan betapa pentingnya kawasan Beting Beras Basah ini kepada institusi kesultanan negeri Perak dan juga negara. Penglibatan ahli-ahli seperti ini akan dapat mengukuhkan lagi usaha dan kepentingan kawasan ini untuk dijadikan sebagai khazanah negeri dan juga negara. Selain itu, hasil daripada cadangan dan lebih-lebih lagi hasil penulisan ahli-ahli akademik inilah yang akan menjadi bukti dan sokongan yang kukuh dalam menjadikan kawasan ini diberi perhatian yang sepatut dan sewajarnya. Selain daripada itu juga, penglibatan badan-badan NGO dalam menjadikan kawasan ini diketahui umum dan diberi perhatian khusus amatlah digalakkan kerana diakui bahawa ada diantara tapak-tapak warisan yang ada di

negara ini adalah hasil cadangan dan penglibatan mereka dalam menjadikannya terkenal dan diberi perhatian. Hasil penulisan-penulisan ahli akademik dan cadangan daripada badan-badan NGO inilah yang akan diangkat untuk dijadikan sebagai kertas kerja dalam merealisasikan objektif menjadikan kawasan ini diberi perhatian dan diketahui umum oleh masyarakat.

Campur tangan dan sokongan daripada pihak Istana seperti Ahli Dewan Negara amat penting dalam membuktikan dan menyatakan bahawa kawasan ini adalah sebuah kawasan yang perlu dijaga kesucian dan ketinggiannya terhadap institusi kesultanan negeri Perak oleh seluruh lapisan masyarakat. Dengan adanya pengiktirafan oleh pihak istana sekurang-kurangnya dapat menaikkan nilai ketinggian dan kepentingan kawasan ini. Maka dengan adanya pengiktirafan dan pengkhususan yang khas terhadap Beting Beras Basah ini akan menyebabkan nilainya diangka

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

1.31 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang dilakukan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil daripada ketiga-tiga analisis kajian. Pada ruangan ini, perbincangan yang dibuat menjadi penanda aras dan ukuran terhadap potensi sejauh manakeberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi semasa melakukan proses penyelidikan ini. Seterusnya, pada bahagian ini juga pengkaji akan mengutarakan beberapa pandangan, pendapat dan juga saranan yang sepatutnya bagi memudahkan penyelidik pada masa hadapan untuk merangka dan menambahbaik perancangan yang sewajarnya terhadap kajian ilmiah yang melibatkan Beting Beras Basah. Diharapkan dengan adanya penulisan kajian ini dapat membantu para penyelidik akan datang untuk memudahkan proses mereka mendapatkan maklumat yang diperlukan.

1.32 Perbincangan Dapatan Kajian

Pada bahagian ini pengkaji akan menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian tentang Kepentingan Beting Beras Basah Terhadap Institusi Kesultanan Negeri Perak Darul Ridzuan. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada hasil Analisa data daripada ketiga-tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci didalam penulisan bab empat sebelum ini.

1.32.1 Analisis Objektif 1: Mengetahui Keistimewaan Muara Beting Beras Basah Sebagai Lokasi Upacara Pertabalan Sultan Perak yang Perlu Dipelihara

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumkan dapatan kajian bagi objektif ini secara lebih terperinci mendapati dan menyedari bahawa kawasan Beting Beras Basah ini bukanlah sekadar sebuah kawasan yang biasa. Hal ini demikian kerana, kawasan bersejarah ini merupakan sebuah kawasan yang menjadi saksi akan sejarah kesultanan yang ada di negeri Perak sehingga ke hari ini. Nilainya yang amat tinggi dapat dilihat setiap kali berlakunya istiadat pertabalan bagi Sultan Perak yang baharu. Kawasan ini dijadikan sebuah lokasi yang wajib dikunjungi bagi seseorang bakal sultan semasa istiadat pertabalan. Upacara pertabalan seseorang sultan itu tidak sah jika mereka tidak menjejakkan kaki ke kawasan ini. Simbolik kepada upacara ini adalah untuk memperingati usaha dan pengorbanan Sultan Muzaffar Shah ketika datang ke negeri Perak untuk ditabal menjadi raja dan pemerintah bagi negeri Perak.

Dari segi pemerhatian pengkaji kepada kawasan Beting Beras Basah ini mengetahui dan mendapati bahawa kawasan ini jauh ketinggalan dan terpencil oleh arus permodenan sehingga ianya tidak diketahui oleh sebilangan

masyarakat sama ada dalam negeri ataupun luar dari negeri Perak. Hal ini dapat dilihat dengan kurangnya tindakan terhadap pembangunannya melainkan yang sedia ada semasa pertabalan yang terakhir iaitu DYMM Sultan Nazrin Shah. Seterusnya menerusi pemerhatian pengkaji juga sebilangan pengunjung yang hadir ke kawasan ini sekadar untuk melihat keindahan semasa fenomena air surut berbanding memahami dan menghayati nilai sejarah dan keistimewaan yang ada pada Beting Beras Basah ini.

1.32.2 Analisis Objektif 2: Mengetahui Pandangan Masyarakat Mengenai Keistimewaan Beting Beras Basah

Melalui analisis dan temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapati dan masih terdapat sebilangan daripada masyarakat yang masih mempercayai bahawa kawasan Beting Beras Basah ini bahawa sebuah tempat yang keras dan berdaulat. Rata-rata mereka masih lagi berjaga-jaga semasa berada ditempat ini dengan mengamalkan pantang-pantang larang. Selain daripada itu, hasil daripada pemerhatian mendapati masih ada lagi sesetengah pihak yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang syirik dan tahyul di kawasan ini. Perkara ini dibuktikan dengan penemuan beberapa alat-alat yang digunakan untuk aktiviti ini di kawasan ini. Selain itu, melalui pertanyaan lisan secara tidak langsung bersama penduduk tempatan telah memperolehi lagi beberapa maklumat tambahan mengenai beberapa pantang larang yang harus dipatuhi semasa berada di Beting Beras Basah.

1.32.3 Analisis Objektif 3: Mencadangkan Kaedah Promosi yang Boleh Dilakukan Bagi Memperkenalkan Beting Beras Basah Kepada Masyarakat Dalam dan Luar Negara

Melalui temubual yang telah dilakukan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa diakui bahawa telah ada usaha dalam membangunkan, memajukan dan mempromosikan Beting Beras Basah ini. Perkara ini dapat dilihat menerusi beberapa pelan yang telah dirangka oleh kerajaan dalam memajukan dan memperkenalkan Beting Beras Basah ini keperingkat yang lebih tinggi. Seterusnya menerusi pengamatan pengkaji merumuskan bahawa dalam usaha ini semua pihak memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan kawasan ini kepada masyarakat. Banyak usaha yang telah dirangka dan amat wajar untuk dilaksanakan secepatnya. Selain itu, peranan ahli akademik dan sejarawan juga memainkan peranan penting dalam menyokong dan menjadi perantara kepada dunia pendidikan dan negara melalui penulisan kajian dan sejarah yang berkaitan dengan Beting Beras Basah.

1.33 Rumusan

Tuntasnya, melalui hasil perbincangan ini mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian Kepentingan Beting Beras Basah Terhadap Institusi Kesultanan Negeri Perak Darul Ridzuan ini adalah sangat berkesan dan berhasil. Melalui temubual informan yakni responden, kaedah ini sememangnya amat membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat bagi mencapai objektif bagi analisis ketiga-tiga objektif kajian.

Wakil daripada Pejabat Daerah dan tanah Daerah Bagan Datuk sebagai responden yang telah ditemubual oleh pengkaji sangat memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat dan membantu pengkaji dalam

menjalankan kajian ini. Dari segi pemerhatian pengkaji sendiri ke tapak kajian sendiri membantu pengkaji untuk memahami, merasai dan menghayati sendiri keadaan yang berlaku keatas kawasan Beting Beting Beras Basah ini. Hal ini juga membantu pengkaji untuk mendapatkan rakaman foto dan catatan nota di lapangan.

Seterusnya, dapat dirumuskan dalam analisis kajian yang telah ditulis didalam Bab 4 mengenai tiga objektif utama secara keseluruhannya, membincangkan tentang kepentingan, kepercayaan, pembangunan dan promosi yang berlaku dan perlu dilakukan terhadap Beting Beras Basah. Namun demikian, masih lagi terdapat kekurangan dan dari pengumpulan data walaupun pengkaji sudah melakukan data melalui penelitian kaedah data sekunder melalui internet, jurnal dan lain-lain lagi. Namun begitu, dalam menghasilkan penulisan kajian ini hanya sebuah kajian yang diperolehi bagi menampung kekurangan data yang ingin direkodkan.

1.34 Cadangan

Beting Beras Basah merupakan sebuah tapak warisan bersejarah yang harus diselamatkan agar menjadi sebuah tapak pendidikan ketamadunan institusi Kesultanan negeri Perak yang berpotensi dijadikan produk pelancongan kepada masyarakat tidak dari dalam mahupun luar negara. Segala pembangunan dan penambahbaikan yang akan dilakukan terhadap kawasan ini harus dikaji dan sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa agar terjaga dan terpelihara hingga ke masa hadapan. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan kajian Beting Beras Basah ini dikenalpasti untuk untuk penyelidik masa hadapan. Antaranya ialah:

I. Bukti Kepada Sebuah Kerajaan yang Berdaulat

Pengkaji berharap kawasan Beting Beras Basah ini menjadi salah satu bukti yang kukuh dan bernilai tinggi yang menjadikan institusi Kesultanan di Negeri Perak ini sebuah kerajaan yang penuh dengan nilai sejarah keagungannya. Nilai sejarah yang disebaliknya menjadi saksi kepada sebuah era baharu negeri bersultan dan rakyat beraja. Nilai sejarah dan warisan yang dikandungnya jika tidak dipelihara dan pulihara keasliannya kebiasaannya akan pupus dan ianya merupakan suatu perkara yang amat merugikan kepada bangsa dan negara.

II. Penarafan yang Khas kepada Beting Beras Basah

Usaha mempromosi ataupun memperkenalkan kawasan Beting Beras Basah ini perlu dipertingkatkan secara lebih meluas dari semasa ke semasa secara konsisten bagi memperkenalkannya kepada masyarakat dan terutamanya kepada badan-badan berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini demikian kerana, pada hemat pengkaji cadangan ini perlulah sentiasa dikaji dan diperhalusi oleh pengkaji masa hadapan melalui pembentangan kertas kerja taupun proposal dengan Pihak Berkuasa Tempatan seperti contohnya Majlis Perbandaran Teluk Intan dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Bagan Datuk. Pemberian taraf sebagai tapak warisan diraja amat wajar diberikan memandangkan ianya termasuk sebagai salah satu kawasan istiadat pertabalan.

III. Pendokumentasian Kawasan Beting Beras Basah

Cadangan yang harus diambil berat oleh para pengkaji akan datang adalah untuk melakukan pendokumentasian yang lebih terperinci terhadap kawasan Beting Beras Basah ini. Merujuk kepada sumber-sumber kajian lepas yang terdahulu, kajian yang melibatkan kajian terhadap Beting Beras Basah ini masih lagi kurang.

Oleh itu, ia akan menjadi rujukan utama oleh pengkaji yang berikutnya jika mereka ingin melakukan kajian yang berkaitan terutamanya yang berkaitan dengan Institusi Kesultanan Negeri Perak.

1.35 Penutup

Kesimpulannya, identiti sesuatu negara bangsa itu sesuatu yang sangat berharga yang tidak mampu ditandingi walaupun ditawarkan dengan wang ringgit. Hal ini demikian kerana ianya sebuah yang mengandungi nilai jati diri sesuatu bangsa. Walaupun kedatangan Sultan Muzaffar Shah yang merupakan Sultan Perak yang pertama pada tahun 1528, sehingga kini kewujudan tapak bersejarah ini masih lagi ada. Kawasan bersejarah ini berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan pelancongan yang bersejarah melihat daripada nilai yang terkandung padanya.

RUJUKAN

- Harun, J. (2015). Raja Haji Yahya in the history of 20th century Malay literature. *Malay Literature*, 28(1), 32-67.
- Yetno, S. (2016). Hubungan Kerajaan Melaka dengan Kampar (Sumatera) dengan kewujudan Kerajaan Perak/Dr. Suprayitno.
- Teh, W. H. W. (2015). Asal Mula Kesultanan Perak. *Mingguan Malaysia (Segmen Rencana)*, 3 Mei 2015 (Ahad), ms. 8.
- Rashid, S., Baharuddin, N., & Alauddin, K. (2021). The History and Transformation Of Perak Malay Traditional House. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 8(1), 71-86.
- Harun, J. (2011). Asal-usul Raja, negeri dan adat istiadat Kesultanan Perak: Beberapa variasi dalam pengekalan dan penyimpangan sumber tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 3-35.
- Omar, A. H. (2015). Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 201-218.
- Harun, J. *Ibarat Nyiur Gading: Raja Haji Yahya dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Abad Ke-20* (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Puteh Noraihan, A. R. (2018). *Symbolisme dewa-raja dalam teks Melayu Klasik terpilih dan kesannya terhadap adat-istiadat Kesultanan Melayu/Puteh Noraihan A. Rahman* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Othman, H. (2017). *Representasi imej pelancongan berasaskan warisan diraja di bandar kuala kangsar, perak dari perspektif pengurusan lestari pelancongan* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).


- Williamson, T. A. (1998). *Leaving town: Kuala Kangsar's colonial past and the postponed nation in Malaysia*. University of Michigan.
- Kim, K. K. (1979). Recent Malaysian Historiography. *Journal of Southeast Asian Studies*, 10(2), 247-261.
- Mamat, M. J., & Aziz, M. F. A. (2018). Early town planning system of small towns in Perak. *Planning Malaysia*, 16(8).
- Harun, J. (2011). *Umpama sebuah bahtera: kajian naskhah Melayu sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Arkib Negara Malaysia.
- Wan Teh, W. H. (2015). Asal Mula Kesultanan Perak/Profesor Emeritus Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh. *Utusan Malaysia*.
- Malaysia, U. (2015). Imbau sejarah bermulanya Kesultanan Melayu Perak: Sultan Nazrin, Tuanku Zara Salim ziarah Makam Sultan Perak pertama. *Utusan Malaysia*.
- Basri, M., & Fawzi, M. A. (1986). *Cempaka Sari: sejarah kesultanan negeri Perak/MA Fawzi Basri*. Yayasan Perak.
- Ghazali, A. Z. (2019). Adat penggantian dalam kesultanan Melayu: penerusan dan perubahan.
- Husain, W. A. F. W. (2021). PERLEMBAGAAN KERAJAAN PERAK ATTESTASI KEDAULATAN WATAN [CONSTITUTION OF THE GOVERNMENT OF PERAK AS THE ATTESTATION TO THE INDIGENOUS SOVEREIGNTY]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 1-14.

- Zakariya, H., & Sulkafle, M. H. (2020). The The Influence of Islam on the Statecraft of the Perak Sultanate: The Case of the Ninety-nine Laws of Perak. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 2(3), 104-116.
- Fahimudin, M. Z., Samsudin, M., & Mansor, S. (2020). PERAK SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN DI ALAM MELAYU SEHINGGA ABAD KE-19. *e-Bangi*, 17(8).
- Harun, J. (2003). Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Menara Kebesaran Adab Hubungan Raja Dengan Menteri. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1, 165-183.
- Malaysia, U. (2015). Imbau sejarah bermulanya Kesultanan Melayu Perak: Sultan Nazrin, Tuanku Zara Salim ziarah Makam Sultan Perak pertama. *Utusan Malaysia*.
- Raja Halid, R. I. (2010). " Nobat Tabal"-the song that installs a sultan.
- Halid, R. I. R. (2010). " Nobat Tabal"-the song that installs a sultan.
- dari Siak, R. K. 20 Tahun Epilog Luka Kerajaan Johor-Riau Dr Haryati Hasan Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.
- Kim, K. K. (1986). The Perak sultanate: Ancient and modern. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 59(1 (250), 1-26.


LAMPIRAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN